



Hujung Minggu

فَلَيْلَةُ الْبَرْوْنِيٰ

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.45 SUBUH 4.55 SYURUK 6.13 DUHA 6.35 ZUHUR 12.19 ASAR 3.21 MAGHRIB 6.24 ISYAK 7.33 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 108

7 SEPTEMBER 2024 / 1446

جَمِيعُ الْأَوَّلِ

3

JABATAN PENERANGAN

EDISI SABTU PERCUMA

MANISNYA IMAN ایمان

"SESUNGGUHNYA orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan mendirikan solat serta menginfakkan sebahagian daripada apa yang Kami kurniakan kepada mereka secara sembunyi atau terbuka dengan mengharapkan (daripada amalan yang demikian) sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian".

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Fathir, ayat 29.

BINCANG KERJASAMA DUA HALA BIDANG BERKEPENTINGAN BERSAMA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Menteri Pertahanan dan bakal Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Jeneral TNI (Purn.) Prabowo Subianto. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad, Nooratini Haji Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis 5 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan

Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, hari ini berkenan menerima mengadap

Menteri Pertahanan dan bakal Presiden Republik Indonesia, Tuan Yang Terutama Jeneral TNI (Purn.) Prabowo Subianto.

>> Muka 3

Komitded perkukuhkan kerjasama strategik pelbagai bidang

Oleh : Marlinawaty Hussin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 September. - Lawatan Rasmi Perdana Menteri Republik India ke Negara Brunei Darussalam (NBD) adalah bertepatan dengan Ulang Tahun Hubungan Diplomatik Ke-40 Tahun antara NBD dan Republik India yang menggariskan komitmen untuk

mengukuhkan perkongsian penting kedua-dua negara.

NBD dan Republik India berkongsi persahabatan yang berakar umbi dan hubungan antara rakyat yang kukuh.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah menjelaskan perkara itu pada Majlis Persantapan Rasmi bagi meraikan Lawatan Rasmi Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi, ke NBD yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

>> Muka 4

Melestarikan budaya mentadabbur, tazkirah Al-Quran

Oleh : Khartini Hamir

BERAKAS, Khamis, 5 September. - Untuk mendapatkan penawar ataupun syifa daripada Al-Quran bukan setakat memperbanyak pembacaannya malahan

melestarikan budaya mentadabbur dan tazkirah Al-Quran di masjid-masjid termasuk rumah, sekolah, dan pejabat serta di mana pun tempat yang bersesuaian Al-Quran dilantunkan.

Bagi mencapai hasrat ini, setiap

individu Muslim perlu terlebih dahulu menguasai bacaan Al-Quran yang prasyaratnya adalah kesediaan untuk mempelajari ilmu tajwid dan memperhalusi sebutan makhrab dengan penuh teliti secara berperingkat dan berterusan.

>> Muka 8



Berita Utama



MAJLIS Dikir semarak Maulidur Rasul

Muka 13



PENGANUGERAHAN biasiswa peluang tingkatkan motivasi pelajar cemerlang

Muka 17



PUPUK kerjasama BIMP-EAGA dalam mengukuhkan keselamatan tenaga serantau

Muka 25



RENCANA ITQSHHB terus berkembang maju melahirkan huffaz negara

Muka 29

Persiapkan diri menjadi pemimpin bertanggungjawab memelihara keselamatan, masyarakat dan negara



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejaz Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berucap pada Majlis Perbarisan Tamat Latihan Pegawai Kadet Penolong Penguasa Polis Skuad 1/2023 pada Khamis, 29 Ogos 2024 bertempat di Padang Kawad Besar Pusat Latihan Polis Kompleks Ibu Pejabat Polis, Gadong.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh Bismillahir Rahmanir Rahim
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihihe
Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden,
Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin,
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een,
Waba'du.

Salam Sejahtera

ALHAMDULILLAH, segala puji dan syukur dirakukkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya juga, kita dapat berkumpul pada pagi yang penuh bermakna ini, untuk menyaksikan Upacara Perbarisan Tamat Latihan bagi Pegawai Kadet Penolong Penguasa Polis Skuad 1/2023 (Pertama bagi Tahun 2023). Peramba / saya berterima kasih kepada Yang Mulia Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei di atas penghormatan dan kesempatan diberikan kepada peramba / saya selaku tetamu kehormat.

Menjadi seorang pegawai polis bukanlah satu pencapaian biasa. Kerjaya polis adalah kerjaya yang mulia kerana ianya berperanan utama memberi khidmat bakti secara langsung dalam melindungi masyarakat dan menjaga keselamatan negara.

Mutu berkawad dan *turnout* dipamerkan di dalam perbarisan pagi ini jelas mencerminkan keyakinan dan kewibawaan Pegawai-pegawai Kadet Penolong Penguasa Polis untuk berkhidmat dengan penuh bersemangat dan bertanggungjawab.

Sababs dan tahniah diucapkan kepada 12 orang Pegawai Kadet Penolong Penguasa Polis yang telah berjaya menamatkan Latihan Asas Kepolisian yang berjalan selama hampir 10 bulan.

Setentunya kejayaan ini adalah atas usaha gigih dan semangat juang para Pegawai Kadet semua dalam menjalani latihan yang mencabar kedayahan dari segi mental dan fizikal. Kejayaan ini juga dapat diraih atas berkat restu, keredaan, sokongan dan irungan doa dari kedua ibu bapa, penjaga serta keluarga *biskita*.

Saya difahamkan ini adalah Skuad Pegawai Kadet Penolong Penguasa Polis Pertama yang telah menjalani latihan sepenuhnya secara tempatan di Negara Brunei Darussalam. Pencapaian ini menandakan langkah transformatif dalam peningkatan

keupayaan dan penambahbaikan berterusan Pusat Latihan Polis khususnya dan Pasukan Polis Diraja Brunei amnya.

Ucapan tahniah dan penghargaan kepada Komandan Pusat Latihan Polis dan pegawai-pegawai, jurulatih serta semua tenaga pengajar atas dedikasi dalam membimbang dan menyumbangkan bakti ikhlas dalam menyampaikan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan dalam membentuk para Pegawai Kadet menjadi pegawai polis yang bertauliah dan seterusnya mempersiapkan mereka menjadi pemimpin bertanggungjawab dalam menunaikan amanah memelihara keselamatan dan keharmonian masyarakat dan negara.

Pada kesempatan ini, saya sukacita menarik semula perhatian kepada titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena lawatan ke Pasukan Polis Diraja Brunei pada 6 Disember 2022 iaitu baginda antara lain bertitah "Soal integriti dan etika ini memang sangat diperlukan, kerana ia berhubung rapat dengan kerja-kerja kepolisian dan juga menjadi prasyarat dalam perkhidmatan. Ianya penting, sebagai jaminan untuk menentukan perkhidmatan oleh pasukan kepada stakeholders atau masyarakat adalah cemerlang".

Oleh itu, dalam hal ini peramba / saya menyeru para Pegawai Kadet untuk sentiasa mengekalkan tahap disiplin yang tinggi dan berintegriti, menghayati jati diri polis dengan memahami peranan dan tanggungjawab kepada raja, negara dan masyarakat, menjalankan tugas dengan berkesan, jujur dan amanah serta mempraktikkan nilai-nilai teras Pasukan Polis Diraja Brunei semasa bertugas dan juga dalam kehidupan sehari-hari. Mengamalkan sikap berkecuali,

beretika, bertanggungjawab, hormat-menghormati di samping menghayati falsafah Melayu Islam Beraja. Semua ini adalah suatu keutamaan dalam pendekatan pada meningkatkan kepercayaan orang ramai terhadap pasukan polis seterusnya mengukuhkan kerjasama dan keyakinan antara polis dan masyarakat.

Pasukan Polis Diraja Brunei adalah merupakan agensi tertua dan utama dalam memastikan keamanan dan keselamatan Negara Brunei Darussalam yang kini, Alhamdulillah, telah mencapai usia 103 tahun. Dalam tempoh dan usia yang sudah matang ini melewati satu kurun, cabaran yang dihadapi oleh pasukan polis juga semakin kompleks dengan adanya perubahan trend jenayah selari dengan perkembangan teknologi dan peredaran massa.

Justeru, Pegawai Kadet khasnya dan pasukan polis amnya perlu terus meningkatkan usaha untuk memperluaskan pengetahuan dan pengalaman agar dapat mendepani dan menangani cabaran-cabaran dan ancaman-ancaman jenayah, termasuk jenayah terkini siber seperti penipuan dan eksploitasi kanak-kanak melalui teknologi media sosial.

Peramba / saya telah dimaklumkan bahawa setelah tamat latihan ini, para Pegawai Kadet akan berpeluang untuk mengikuti Program Penempatan Sementara di Pasukan Polis Republik Singapura selama tiga minggu. Antara perisianya adalah penempatan di Home Team Academy, di Neighbourhood Police Centre dan lawatan-lawatan ke jabatan-jabatan khusus seperti Cybercrime Command dan Anti Scam Centre. Oleh itu, rebutlah peluang berharga ini untuk melihat dan belajar secara dekat amalan-amalan terbaik, tatacara pengurusan di samping meluaskan rangkaian kerjasama antara dua pasukan.

>> Muka 16

SIDANG PENGARANG 7 SEPTEMBER 2024

Dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan beristiqamah

SEBAGAI umat Islam, kita dituntut untuk sentiasa beristiqamah dalam melakukan amal ibadah dan juga amal kebajikan. Orang-orang yang istiqamah dalam ibadah, dalam melakukan perkara baik seperti beramal kebajikan dan berusaha ke arah memperbaiki akhlak dan perintah Allah Subhanahu Wata'ala dengan menjauhi larangannya akan mendapat pelbagai ganjaran daripada Allah Subhanahu Wata'ala seperti dalam Surah Fusilat, ayat 30 tafsirnya : "Sesungguhnya orang-orang yang berkata : Tuhan kami ialah Allah, kemudian mereka meneguhkan pendirian maka malaikat akan turun kepada mereka (ambil berkata) : Janganlah kamu takut dan janganlah kamu berduakacita, serta bergembiralah dengan syurga yang telah dijanjikan kepada kamu".

Di dalam Al-Quran kita akan dapat melihat beberapa pengajaran berhubung dengan istiqamah dalam beribadah dan beramal. Antaranya ialah orang yang istiqamah dalam beriman dan beribadah akan selalu didatangi oleh para malaikat. Selain itu, orang yang istiqamah tidak mudah berasa takut kerana ia mempunyai keteguhan hati, perasaan yakin yang kuat, pendirian yang kukuh dan harapannya kepada Allah Subhanahu Wata'ala sangat kuat. Orang yang istiqamah juga tidak mudah berasa sedih terutama apabila kehilangan sesuatu kerana tahu bahwa semua itu adalah milik Allah Subhanahu Wata'ala.

Orang yang berusaha untuk menerapkan sifat istiqamah dalam dirinya menandakan orang itu orang yang taat kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala. Maksud ataupun erti istiqamah itu ialah untuk mengekalkan atau menetapkan dan meneguhkan diri dengan melakukan amalan-amalan yang membawa kita lebih dekat kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan berusaha untuk berhenti dari melakukan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Justeru itu, sama-sama kita berusaha dalam mempertingkatkan sifat istiqamah. Kita juga boleh istiqamah untuk membersihkan hati dengan terus berzikir, membaca Al-Quran dan istiqamah dalam menjaga anggota badan dari melakukan perkara tidak baik seperti menjaga lidah dan percakapan agar tidak menyakiti atau membuat orang di sekeliling kita terusik hati. Sebagaimana yang telah diriwayatkan oleh Imam Ahmad daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu daripada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Tidak akan beristiqamah iman seorang hamba hingga istiqamah hatinya dan tidak akan beristiqamah hatinya hingga istiqamah lidahnya".

Dari Surah Ali-Imran, ayat 133, tafsirnya : "Dan bersegeralah kamu (mengerjakan amal kebajikan untuk membawa kamu) kepada keampunan daripada Tuhan kamu dan ke syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa". - Ketua Penyuntingan (Nr)

WAKTU SEMBAHYANG											
September	MASIH	HARI	Rabiulawal HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
7	SABTU	3	4 . 45	4 . 55	6 . 13	6 . 35	12 . 19	3 . 21	6 . 24	7 . 33	
8	AHAD	4	4 . 45	4 . 55	6 . 13	6 . 35	12 . 19	3 . 20	6 . 23	7 . 33	
9	ISNIN	5	4 . 45	4 . 55	6 . 12	6 . 35	12 . 19	3 . 19	6 . 23	7 . 32	
10	SELASA	6	4 . 45	4 . 55	6 . 12	6 . 35	12 . 18	3 . 18	6 . 22	7 . 32	
11	RABU	7	4 . 45	4 . 55	6 . 12	6 . 34	12 . 18	3 . 18	6 . 22	7 . 31	
12	KHAMIS	8	4 . 45	4 . 55	6 . 12	6 . 34	12 . 18	3 . 19	6 . 21	7 . 30	
13	JUMAAT	9	4 . 44	4 . 54	6 . 12	6 . 34	12 . 17	3 . 19	6 . 21	7 . 30	

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

SABTU	AHAD	ISNIN
Bandar Seri Begawan		
32 °C	34 °C	33 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Pekan Bangar		
32 °C	34 °C	33 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Pekan Tutong		
32 °C	34 °C	33 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Kuala Belait		
32 °C	34 °C	33 °C
25 °C	25 °C	25 °C
Wallahualam Bissawab		
Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi		

www.met.gov.bn

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBARINI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

 pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | ☎ 2381004 |  www.pelitabrunel.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردن منtri دان چیتیق اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

Bincang kerjasama dua hala bidang berkepentingan bersama



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BERKENAN MENERIMA MENGADAP MENTERI PERTAHANAN DAN BAKAL PRESIDEN REPUBLIK INDONESIA, TUAN YANG TERUTAMA JENDERAL TNI (PURN.) PRABOWO SUBIANTO (ATAS DAN BAWAH KIRI).

>> Muka 1

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Istana Nurul Iman, petang tadi.

Semasa Majlis Mengadap berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Tuan Yang Terutama telah berbincang mengenai

kerjasama dua hala dalam bidang-bidang yang berkepentingan bersama, serta bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa.

Menyertai TYT ialah Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke Negara Brunei Darussalam, TYT Prof. Dr. Achmad Ubaedillah; Ahli Dewan Perwakilan Rakyat Republik Indonesia,


Sugiono; dan Chief of Staff, Mejar Teddy Indra Wijaya.

Juga hadir semasa Majlis Mengadap berkenaan ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya

Haji Mohd. Yusof; dan Timbalan Menteri di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Selesai Majlis Mengadap berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan TYT menghadiri Majlis Santap Petang.

TYT Jenderal TNI (Purn.) Prabowo Subianto akan dilantik secara rasmi sebagai Presiden Republik Indonesia Ke-8 pada 20 Oktober 2024.



KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DAN TUAN YANG TERUTAMA MENTERI PERTAHANAN DAN BAKAL PRESIDEN REPUBLIK INDONESIA BERKENAN MENGHADIRI MAJLIS SANTAP PETANG (ATAS KANAN DAN BAWAH KIRI). MANAKALA GAMBAR BAWAH KANAN, KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA BERKENAN MENERIMA PESAMBAH.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Majlis Persantapan Rasmi bagi meraikan Lawatan Rasmi Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi ke Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Istana Nurul Iman.

>> Muka 1

Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, masyarakat India di negara ini, dari para pengusaha perniagaan kepada para profesional, telah menyumbang secara signifikan kepada

pembangunan sosioekonomi NBD yang mengukuhkan lagi hubungan kedua-dua negara.

Titah baginda, NBD dan Republik India boleh meningkatkan kerjasama dalam kesalinghubungan, tenaga,

KOMITED PERKUKUHKAN KERJASAMA STRATEGIK PELBAGAI BIDANG

Oleh : Marlinawaty Hussin

Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

pendidikan dan kesihatan.

"Brunei tetap komited untuk meluaskan kerjasama dengan Republik India dalam bidang-bidang baharu seperti ICT, tenaga yang diperbaharui, pertanian dan industri halal.

"Dalam hubungan ini, kami gembira kerana hari ini menandakan peningkatan hubungan kedua-dua negara kepada 'Enhanced Partnership' yang menjanjikan perkongsian mendalam dan akan menyumbang kepada pertumbuhan dan kestabilan serantau yang lebih signifikan," titah baginda.

Kebawah DYMM seterusnya bertitah, usaha kedua-dua negara meliputi forum-forum serantau dan

antarabangsa seperti Hubungan Dialog ASEAN - Republik India.

Hubungan-hubungan ini, titah baginda, berkembang menjadi perkongsian strategik komprehensif, menawarkan lebih banyak peluang dan manfaat bagi rakyat kedua-dua negara.

"Kami menghargai sokongan Republik India terhadap ASEAN Centrality, memastikan rantau ini kekal inklusif, telus dan berdaya saing.

"Ketika kita memandang ke masa hadapan, beta yakin hubungan kita akan terus kukuh dan kita akan merebut peluang bagi membina masa hadapan yang lebih cerah bagi rakyat kedua-dua negara," titah Kebawah DYMM.

Terdahulu, baginda bertitah mengalu-alukan Lawatan Rasmi TYT merupakan satu penghormatan yang besar dan NBD berbesar hati untuk membala keramahan yang baginda nikmati semasa lawatan ke Republik India dan berkenan mengucapkan tahniah atas pelantikan semula TYT sebagai Perdana Menteri.

Di bawah kepimpinan TYT titah baginda, India telah berubah menjadi salah sebuah ekonomi paling pantas berkembang, bukti wawasan dan bimbingan TYT.

Kebawah DYMM melahirkan keyakinan bahawa India akan terus meningkatkan kedudukan globalnya dan mencapai matlamatnya untuk menjadi ekonomi yang maju sepenuhnya menjelang tahun 2047.

Majlis Persantapan Rasmi raikan Lawatan Rasmi PM Republik India



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri Majlis Persantapan Rasmi bersama Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi. Berangkat sama ialah paduka-paduka anakanda baginda (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bagi menghadiri Majlis Persantapan Rasmi bersama Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri

Narendra Modi; berserta dengan kerabat diraja dan rombongan rasmi Republik India.

Majlis berlangsung di Baitur Rahmah, Istana Nurul Iman.

Majlis Persantapan Rasmi dimulakan dengan bacaan Doa

Selamat oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan

Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seterusnya berkenan mengurniakan titah.

Ini diikuti dengan ucapan balas daripada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik India.

>> Muka 5



ANTARA yang berangkat dan hadir pada majlis berkenaan (kanan dan kanan sekali), manakala gambar atas, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Mufti Kerajaan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mendengarkan ucapan balas daripada Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik India.

>> Muka 4

Menurut TYT, kedua-dua negara komited untuk mengukuhkan kerjasama dalam Sektor Ekonomi, Saintifik dan Strategik.

Jelas TYT, Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik India telah memutuskan untuk memberikan tumpuan kepada FinTech dan keselamatan siber, selain industri pertanian serta Sektor Farmaseutikal dan Kesihatan.

Bagi Sektor Tenaga, kata TYT, kedua-dua negara telah membincangkan potensi bagi kerjasama jangka panjang dalam LNG.

Bagi mengukuhkan kerjasama pertahanan pula, NBD dan Republik India telah mengadakan



Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohamad Azmi Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

dialog membina mengenai kemungkinan kerjasama dalam industri pertahanan, latihan dan

pembangunan kapasiti.
Ke arah mengukuhkan kerjasama dalam Sektor Angkasa,

kedua-dua negara bersetuju mengenai kerjasama dalam pembangunan satelit, remote sensing dan latihan.

Untuk meningkat kesalinghubungan, jelas TYT,

penerbangan langsung antara kedua-dua negara akan bermula tidak lama lagi.

TYT turut menyembahkan penghargaan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan kerajaan baginda atas kebijakan warga India di negara ini.

Jelas TYT, Republik India menghargai komitmen Kebawah DYMM terhadap hubungan dengan Republik India.

Menurut TYT, NBD merupakan rakan penting dalam 'India's Act East Policy' dan Visi Indo-Pasifik.

TYT Perdana Menteri Republik India juga menyembahkan setinggi penghargaan atas penghormatan yang diberikan kepada TYT.

NBD dan Republik India mempunyai kerjasama yang kukuh dalam sektor-sektor utama termasuk perdagangan, tenaga, pertahanan, kesihatan dan pendidikan.

Kerjasama strategik antara Republik India dan ASEAN juga menjadi asas yang kuat untuk memperluaskan lagi hubungan dua hala ini.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan bersalaman bersama Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik India (kiri), manakala gambar kanan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan paduka-paduka anakanda dan adinda baginda ketika berangkat pada majlis berkenaan.

Berkenan menyaksikan Majlis Penandatanganan MoU



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan bagi satu Memorandum Persefahaman (MoU) (atas), manakala gambar kanan, Majlis Penandatanganan berkenaan disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan External Affairs Minister, His Excellency Dr. Subrahmanyam Jaishankar bagi pihak Kerajaan Republik India.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga berkenan berangkat bersama Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi bagi menyaksikan Majlis Penandatanganan bagi satu Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan Kerajaan Republik India.

MoU di antara Kerajaan Kebawah DYMM dengan Kerajaan Republik India adalah dalam kerjasama 'Cooperation and Telecommand Station for Satellite and Launch Vehicles and for Cooperation in the Field of Space Research, Science and

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

Applications'.

Majlis Penandatanganan berkenaan disempurnakan oleh Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha bagi

pihak Kerajaan Kebawah DYMM dan External Affairs Minister, His Excellency Dr. Subrahmanyam Jaishankar bagi pihak Kerajaan Republik India.

Majlis berkenaan berlangsung di Baitul Mesyuarah, Istana Nurul Iman, di sini.



NBD - INDIA TERUS TINGKATKAN HUBUNGAN DUA HALA PELBAGAI BIDANG



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi. Juga berangkat semasa Mesyuarat Dua Hala berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan berangkat menghadiri Mesyuarat Dua Hala bersama Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi.

Mesyuarat Dua Hala tersebut berlangsung di Baitul Mesyuarat, Istana Nurul Iman, di sini.

Juga berangkat semasa Mesyuarat Dua Hala berkenaan ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Pada mesyuarat berkenaan, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bertitah mengalukan TYT Perdana Menteri

Republik India yang mengadakan Lawatan Rasmi buat pertama kali ke Negara Brunei Darussalam (NBD).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia seterusnya bertitah menyifatkan lawatan berkenaan tepat pada masa yang penting bagi hubungan dua hala ketika kedua-dua buah negara meraikan Ulang Tahun Ke-40 hubungan diplomatik pada tahun ini.

Di peringkat serantau titah baginda, India merupakan rakan kongsi penting ASEAN melalui Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN-India dan mekanisme lain yang diterajui ASEAN.

Semasa Mesyuarat Dua Hala berkenaan, Kebawah DYMM dan TYT mengimbas kembali kemajuan cemerlang dalam hubungan dua hala selama ini, termasuk kerjasama yang baik dalam bidang kesalinghubungan, perdagangan dan pelaburan, tenaga, pendidikan dan kesihatan.

Kedua-dua pemimpin juga mengalukan penerbangan langsung yang telah dirancang antara Bandar Seri Begawan dan Chennai serta pemeteraian Memorandum Persefahaman

(MoU) mengenai Telemetry Tracking and Telecommand Station, yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua buah negara.

Kebawah DYMM seterusnya merakamkan penghargaan atas sumbangan warga India dalam pelbagai sektor terhadap pembangunan sosioekonomi NBD.

Melangkah maju ke hadapan, Kebawah DYMM dan TYT menegaskan komitmen masing-masing untuk mengukuhkan dan meningkatkan lagi hubungan dua hala kepada tahap Enhanced Partnership melalui Kenyataan Bersama untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara NBD dan Republik India kepada tahap Enhanced Partnership yang dikeluarkan semasa Lawatan Rasmi Perdana Menteri Republik India ke NBD.

Di samping itu, kedua-dua pemimpin juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama, termasuk perkembangan di ASEAN termasuk Myanmar, perubahan

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

iklim, perkembangan di Palestin - Israel dan perkembangan di Rusia - Ukraine.

Setelah tamat Mesyuarat Dua Hala berkenaan, satu Kenyataan

Bersama untuk meningkatkan hubungan dua hala di antara NBD dan Republik India kepada tahap Enhanced Partnership telah dikeluarkan.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan titah pada Mesyuarat Dua Hala (atas), manakala gambar bawah, baginda dan paduka anakanda baginda berkenan bersalaman dengan rombongan Perdana Menteri Republik India.



TUAN Yang Terutama Perdana Menteri Republik India bersama rombongan hadir pada Mesyuarat Dua Hala.



BERKENAN MENERIMA MENGADAP PERDANA MENTERI REPUBLIK INDIA



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi (atas dan kanan).

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan



Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam hari ini berkenan menerima mengadap Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra

Modi.

Majlis Mengadap berkenaan berlangsung di Cheradi Laila Kenchana, Istana Nurul Iman, di sini.

Berangkat sama ke Majlis Mengadap berkenaan ialah

kerabat diraja.

Turut hadir ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Menteri Pengiring; serta rombongan rasmi Republik India.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik India. Berangkat sama ke Majlis Mengadap berkenaan ialah kerabat diraja.

MELESTARIKAN BUDAYA MENTADABBUR, TAZKIRAH AL-QURAN

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid,
Alishahrin Haji Mumin

>> Muka 1

Melalui kaedah bacaan yang lancar, kedua-dua pembaca dan yang mendengarkannya akan selanjutnya berupaya untuk menghayati dan seterusnya mengundang keberkatan dan rahmat Allah kepada masyarakat dan negara yang kita sama-sama cintai.

Perkara berkenaan ditekankan dalam sabda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri pada Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kali Ke-12 Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pagi tadi.

Duli Yang Teramat Mulia

Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berpendapat dan yakin, di sinilah ruang kepada para graduan Institut Tahfiz untuk turut berperanan sebagai ejen yang menyambung perjuangan mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebar luas syiar Islam serta bacaan Al-Quran menjurus kepada membantu masyarakat mengukuhkan pengisian kerohanian dan pengukuhan akidah termasuk mengatasi apa jua masalah atau gejala yang berkaitan bersandarkan kepada panduan lengkap seperti terkandung dalam kitab suci Al-Quran.

"Di samping itu, menjaga akhlak serta memelihara harga diri yang tinggi dengan berterusan beradab dengan adab-adab Al-Quran adalah menjurus kepada menzahirkan keperibadian seorang penghafal Kitabullah sebagai bentuk tanda pengagungan diri dan insan

terhadap Kalamullah, iaitu Al-Quran Al-Karim," sabda Duli Yang Teramat Mulia lagi.

Terdahulu, DYTM dalam sabdanya merakamkan rasa syukur dan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada para graduan atas kejayaan yang telah dicapai.

DYTM bersabda, majlis ini adalah antara saat yang paling bermakna kepada setiap graduan dalam mengharungi tempoh pengajian selama tiga tahun di peringkat Diploma dan menghafaz 30 Juzuk Al-Quran dan setentunya akan menjadi kenangan manis yang abadi.

Lebih bermakna lagi sabda DYTM lagi, di sebalik pencapaian yang dikehendaki ini sudah setentunya ada insan-insan mulia yang sentiasa tetap berdiri teguh menyokong dan memberi semangat yang tidak putus-putus untuk setiap graduan, dan mereka adalah para ibu bapa termasuk penjaga para graduan.

DYTM seterusnya bersabda menzhahirkan ucapan tahniah kepada para ibu bapa termasuk penjaga yang sentiasa mendoakan dan bersedia berkorban masa,



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan mengurniakan sabda pada Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Kali Ke-12 Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi.

tenaga dan wang ringgit sebagai dukungan untuk bersama-sama menyumbang kepada kejayaan bermakna anak masing-masing.

"Ucapan penghargaan juga turut ditujukan kepada para tenaga pengajar dan seluruh warga institut atas komitmen berterusan

dalam mendidik dan membimbing para graduan, dan kepada Allah Subhanahu Wata'ala juga dipanjatkan doa bagi sebaik-baik kurnia ganjaran terhadap semua yang terlibat yang menjadi asbab kejayaan para graduan," sabda DYTM lagi.

Menyebarluaskan manfaat, keberkatan Al-Quran melalui pembelajaran

BERAKAS, Khamis, 5 September. - Kejayaan para pelajar dan graduan di Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) adalah juga menyumbang kepada pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035, khususnya dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran dan berjaya.

Mereka yang menuntut ilmu di sini merupakan kalangan rakyat Brunei yang terpilih dan menjadi sebahagian aset yang amat berharga kepada pembangunan negara.

Setiap ilmu yang ditimba dan kemahiran yang diraih sepanjang pengajian akan dapat memastikan tercapainya aspirasi negara khasnya bagi melengkapinya mereka dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran Abad Ke-21 yang

bermanfaat duniawi dan ukhrawi.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri bersabda demikian pada Majlis Haflut Takharruj ITQSHHB Kali Ke-12 Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas pagi tadi.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah seterusnya bersabda sebagaimana yang disebutkan para ulama bahawa Al-Quran itu memiliki banyak nama, dan salah satu nama Al-Quran

ialah 'Asy-Syifa' yang bermaksud penawar, iaitu merujuk kepada mafhum Surah Al-Isra, ayat 82 : "Dan Kami menurunkan daripada Al-Quran (sesuatu) yang menjadi penawar dan rahmat bagi orang yang beriman".

Dalam hubungan ini, Duli Yang Teramat Mulia sukacita memetik kurnia titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada Majlis Musabaqah Dewasa Peringkat Akhir Kebangsaan 1445 Hijrah : "Memang menjadi dasar kerajaan menjadikan Al-Quran untuk dibaca dan ditadabbur ayat-ayatnya untuk kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Al-Quran tidak syak lagi adalah sumber keberkatan dan kekuatan yang tidak ada tolok bandingnya. Sebab itu Negara

Brunei Darussalam tidak boleh berenggang dari Al-Quran".

"Menyebut mengenai penyakit rohani, teringat kita kepada isu gejala mental yang sedang rancak diperkatakan akhir-akhir ini dan pihak berkenaan di negara ini patut sensitif untuk melihat bagaimana cara merawat atau menangani gejala ini dengan Al-Quran. Cara itu tentu sahaja ada menurut Al-Quran. Inilah namanya kita berpandu kepada Al-Quran, dengan memanfaatkan segala ajarannya bagi mengatasi apa jua masalah yang berkaitan," sabda DYTM.

Bersambung dengan Titah Perutusan sempena Awal Tahun Hijrah 1446 sabda DYTM lagi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) Kali Ke-12. Turut berangkat, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia

ini dapat ditangani dengan lebih berkesan. 'Program Kesihatan Mental' secara saintifik dan kerohanian hendaklah diaktifkan melalui pendidikan, terutama pendidikan ugama dan dakwah secara berterusan dan inilah antara konsep hijrah, iaitu untuk mengubah atau membaiki perkara-perkara negatif kepada positif'.

Dalam hal ini, DYTM bersabda dengan lahirnya ramai para huffaz ataupun penghafal Al-Quran di negara ini, khususnya daripada ITQSHHB, akan mampu menyebarluaskan lagi manfaat dan keberkatan Al-Quran melalui pembelajaran dan apa jua program mahupun aktiviti yang berkaitan dengan pengamalan bacaan Al-Quran, malahan ikandungannya turut dihayati sebagai panduan cara hidup yang utama.

20 graduan ITQSHHB dianugerahkan Diploma 'Aliyah Qira'at

BERAKAS, Khamis, 5 September. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Penggerusi Lembaga ITQSHHB; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Penggerusi Jawatankuasa Tertinggi ITQSHHB dan Pemangku Pengetua ITQSHHB, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah dijunjung oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman selaku Penggerusi Lembaga ITQSHHB; Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar; Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan selaku Penggerusi Jawatankuasa Tertinggi ITQSHHB dan Pemangku Pengetua ITQSHHB, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Haflut Takharruj Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

>> Muka 9



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid, Alishahrin Haji Mumin



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah berkenan berangkat ke Majlis Haflut Takharruj ITQSHHB Kali Ke-12. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

>> Muka 8

Majlis dimulakan dengan Persembahan Hafazan Ayat-ayat Suci Al-Quran, Surah Al-Balad, ayat 1 hingga ayat 20 dengan Riwayat Al-Bazzi daripada Ibnu Kathir yang disampaikan oleh Dayang Awadah binti Awang Mohamad Ariffin. Sementara inti sari ayat dibacakan oleh Dayang Nurqamariah binti Kepli.

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dalam sembah alu-aluannya antara lain menyembah bahawa Majlis Haflut Takharruj ini mengharapkan kepada graduan-graduan supaya memanfaatkan hasil pengajian mereka dengan ilmu agama dan amalan keagamaan.

"Disembahkan seterusnya bahawa 20 orang siswa-siswi graduan yang akan menerima Sijil Diploma 'Aliyah Qira'at dalam majlis pagi ini adalah terdiri daripada 15 orang graduan lelaki dan lima orang graduan wanita.

"Daripada jumlah tersebut 11 orang graduan yang berjaya memperoleh pangkat Mumtaz, enam orang memperoleh pangkat Jayyid Jiddan dan seorang pangkat Jayyiid, sementara dua orang selebihnya mendapat pangkat Maqbul," sembah Yang Berhormat.

Apa pun pangkat atau taraf pencapaian masing-masing ujar Yang Berhormat, pastinya kesemua 20 orang dalam Haflut Takharruj tahun ini adalah menjadi sebahagian daripada

242 orang yang telah lulus pengajian peringkat Diploma 'Aliyah Qira'at sejak ia dimulakan kira-kira 14 tahun yang lalu.

Ini merupakan suatu yang perlu dijadikan dorongan ke arah kemajuan. Seterusnya sembah Yang Berhormat ialah ITQSHHB yang sulung dan tunggal di negara ini telah diiktiraf sebagai Ma'ahad Tahfiz Al-Quran Mithali dengan menerima Anugerah Antarabangsa His Majesty King Abdullah bin Abdul Aziz Al-Saud pada tahun 2014.

Yang Berhormat menjelaskan pengiktirafan itu adalah ke atas sistem dan mutu pengajiannya yang dinilai tinggi serta sumbangannya kepada masyarakat tempatan.

Sumbangannya kepada masyarakat negara ini

ialah kerana penubuhan serta pengajiannya telah mendatangkan impak positif yang mana masyarakat dengan segera menyedari dan memperakui dengan mengambil langkah praktikal akan kepentingan

ilmu hafazan Al-Quran sebagai

daripada pusat-pusat pendidikan melaksanakan tuntutan ajaran ugama.

"Sesungguhnya kewujudan ITQSHHB sebagai sebahagian

>> Muka 10



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Syahadah (Sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at kepada para graduan.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan berangkat menyempurnakan Penganugerahan Syahadah (Sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at kepada para graduan ITQSHHB pada Majlis Haflut Takharruj ITQSHHB Kali Ke-12 (atas kiri dan atas kanan). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, sekitar yang hadir pada majlis berkenaan.



DOA Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.





DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan bergambar kenangan bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja Haflut Takharruj ITQSHHB Kali Ke-12 serta graduan yang diraikan.

>> Muka 9

"Pertama tujuan yang jelas melalui titah penubuhannya yang seterusnya mula beroperasi pada 1 Januari 1993 sebagai sumbangan peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal

Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan meletakkannya di bawah Kementerian Pendidikan sebagai satu komplimentari bagi melahirkan tenaga pengajar yang hafaz Al-Quran.

"Usaha seterusnya ke

arah merealisasikan tujuan penubuhannya yang sudah jelas sedemikian itu semakin jelas lagi dan terfokus setelah 13 tahun kemudian," sembah Yang Berhormat lagi.

Seterusnya Yang Berhormat juga menyembahkan, pada tahun 2006, ITQSHHB dititahkan untuk dikendalikan dan diuruskan di bawah Kementerian Hal Ehwal Ugama iaitu dengan mencantumkan semua program dan pengajian Al-Quran yang sedia ada di Pusat Pengajian dan Penyebaran Al-Quran, Kementerian Hal Ehwal Ugama supaya ia akan berperanan lebih tepat dengan keperluan negara dari segi pengajian Al-Quran di samping melahirkan rakyat yang hafaz Al-Quran.

Dengan itu, ujar Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama, ITQSHHB sebagai pusat pengajian agama adalah juga seperti pengajian agama di sekolah-sekolah menengah agama atau Arab iaitu mengajarkan juga mata-mata pelajaran umum menurut sukaan sistem pendidikan kebangsaan.

Dalam masa yang sama, pengajian hafazan Al-Quran di ITQSHHB telah dikembang dan ditingkatkan dan hasilnya dapat dilihat pada pengajian peringkat Diploma 'Aliyah Qira'at sekarang ini.

Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan, Yang Berhormat menyatakan peningkatan dan menambah mutu pengajian di ITQSHHB dikaji lebih lanjut dengan mengemas dan meluaskan pelajaran hafazan itu sendiri antaranya ialah dengan menambah unsur pengajian mentadabburkan ayat-ayat Al-Quran. Di samping itu ialah dengan menimbaangkan lebih lanjut latihan-latihan kemahiran.

Pada majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota juga berkenan mengurniakan sabda.

Pengurniaan Syahadah (Sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at kali ini terdiri daripada 11 penerima pangkat Mumtaz (Cemerlang), enam penerima pangkat Jayyid Jiddan (Sangat Baik), seorang penerima pangkat Jayyid (Baik) dan dua penerima pangkat

Maqbul (Lulus).

Majlis diteruskan dengan ucapan daripada wakil graduan Syahadah (Sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at disampaikan oleh Dayang Nurmazrina binti Abdul Mahmod.

Seterusnya bacaan Sayyidul Istighfar dikumandangkan oleh para siswa Tahun 1 Diploma 'Aliyah Qira'at.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim.

Sebelum berangkat meninggalkan majlis, Duli Yang Teramat Mulia berkenan bergambar kenangan bersama Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi dan Jawatankuasa Kerja Haflut Takharruj ITQSHHB Kali Ke-12 serta graduan yang diraikan.

Haflut Takharruj ini diadakan adalah bagi meraikan para graduan Syahadah (Sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at dan sebagai pengiktirafan atas kejayaan para siswa-siswi khusus dalam bidang Hafazan Al-Quran dan ilmu Qira'at serta sekali gus merealisasikan visi ITQSHHB sebagai sebuah institusi tafsir dan perkembangan Al-Quran yang terunggul di peringkat negara, serantau dan antarabangsa.



DYTM berkenan menerima pesambahan pada majlis berkenaan.



ANTARA pelajar yang hadir pada Majlis Haflut Takharruj ITQSHHB (kiri sekali dan kiri).

NBD TUNDUKKAN MACAU 3 - 0



Oleh : Pg. Vivy Maessa Pg. Ibrahim
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Mohammad Hasif Matzin

BERAKAS, Jumaat, 6 September. - Pasukan Bola Sepak Kebangsaan Negara Brunei Darussalam (NBD) beraksi cemerlang setelah berjaya menewaskan Pasukan Macau dengan kiraan 3 - 0 pada AFC Asian Cup 2027 Qualifiers yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah, Berakas, malam tadi.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman.

Juga berangkat, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Turut berangkat, anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah.

Pada babak pertama perlawanan menyaksikan skuad bola sepak negara terus memberi tekanan kepada Pasukan Macau dengan memberikan asakan sehingga gol pertama tercipta melalui Muhammad Hakeme Yazid Said pada minit ke-32, setelah sepakannya gagal didakap kemas oleh penjaga gawang Pasukan Macau.

Pada babak kedua perlawanan, Pasukan NBD berjaya menjaringkan gol kedua hasil sepakan Mohammad Nazry Aiman



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menyaksikan AFC Asian Cup 2027 Qualifiers yang berlangsung di Stadium Negara Hassanal Bolkiah. Juga berangkat, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (kiri dan atas).

pada minit ke-56. Ketinggalan 2 - 0, Pasukan Macau cuba menggandakan usahanya untuk mencari ruang untuk menjaringkan gol namun benteng pertahanan yang kuat daripada Pasukan NBD gagal dibolosi.

Seterusnya, perlawanan semakin rancak apabila kedua-dua pasukan mula bertindak berbalas serangan untuk menjaringkan sebarang gol. Pasukan Macau dengan jersi hijau tidak berputus asa dan

terus melancarkan serangan dan membuat beberapa percubaan namun sepakan jelas tersasar dari pintu gawang dan terselamat oleh penjaga gol daripada Pasukan NBD.

Pasukan NBD sekali lagi menambah keresahan Pasukan Macau apabila Abdul Haziz Herman berjaya menjaring gol kemenangan bagi skuad bola sepak negara pada minit ke-61 dan keputusan kekal 3 - 0 hingga wisel penamat dibunyikan.



BERANGKAT sama, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Isteri Pengiran Anak Sarah binti Pengiran Haji Salleh Ab. Rahaman dan anakanda-anakanda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda 'Abdul Muntaqim, Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Muhammad Aiman dan Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Faathimah Az-Zahraa' Raihaanul Bolkiah (atas). Manakala gambar kiri dan bawah kiri, antara aksi perlawanan di antara Pasukan Negara Brunei Darussalam menentang Pasukan Macau. Sementara gambar bawah, antara yang hadir menyaksikan perlawanan tersebut.



MANFAATKAN HUBUNGAN DIPLOMATIK DEMI KEMAJUAN BERSAMA



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 September. - Atas jemputan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi mengadakan Lawatan Rasmi ke Negara Brunei Darussalam (NBD) pada 3 hingga 4 September 2024.

Ini merupakan lawatan pertama TYT serta lawatan dua hala pertama oleh Perdana Menteri Republik India ke NBD.

Setibanya di NBD, Tuan Yang Terutama Perdana Menteri Republik India, dialu-alukan oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Semasa Lawatan Rasmi tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengadakan Mesyuarat Dua Hala dengan TYT dan menghoskan Majlis Persantapan Rasmi untuk TYT di Istana Nurul Iman.

Kedua-dua pemimpin melahirkan rasa puas hati kerana lawatan bersejarah ini bertepatan dengan Ulang Tahun Ke-40 terjalinya hubungan diplomatik antara kedua-dua negara dan mengakui bahawa persahabatan yang terjalin di antara NBD dan India semakin kukuh dalam pelbagai bidang sejak empat dekad yang lalu.

Kedua-dua pemimpin mengakui bahawa NBD dan India berkongsi hubungan sejarah yang wujud sejak berabad-abad lalu, dipermudahkan oleh interaksi budaya dan perdagangan. Pembentukan hubungan diplomatik antara kedua-

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman, Srinarawie Bidzah, Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman

dua negara pada tahun 1984 menandakan permulaan perkongsian yang berkekalan.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia merakamkan penghargaan atas sumbangan berharga masyarakat India merentasi pelbagai profesi di negara ini kepada pembangunan sosioekonomi dan negara.

Menggambarkan kemajuan cemerlang selama ini dalam hubungan dua hala, kedua-dua pemimpin menegaskan komitmen mereka untuk terus mengukuhkan, memperdalam dan meningkatkan perkongsian dalam semua bidang kepentingan bersama.

Kedua-dua pemimpin mengadakan perbincangan untuk meningkatkan kerjasama dalam pelbagai isu termasuk pertahanan, perhubungan, perdagangan dan pelaburan, tenaga termasuk tenaga boleh diperbaharui, ruang angkasa, ICT, kesihatan dan farmaseutikal, pendidikan dan pembinaan kapasiti, budaya, pelancongan, belia dan pertukaran antara rakyat serta isu serantau dan antarabangsa yang mempunyai kepentingan bersama.

Kedua-dua pemimpin mengakui kepentingan interaksi rapat melalui mekanisme dua hala sedia ada dan bersetuju untuk terus mengadakan mesyuarat tetap, pertukaran dan dialog mengenai isu dua hala dan pelbagai hala yang mempunyai kepentingan bersama, termasuk mengadakan Konsultasi Pejabat Luar secara berkala dan pelbagai mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama.

Kedua-dua pemimpin bersetuju untuk meluaskan lagi perdagangan dua hala dan hubungan ekonomi dalam bidang kepentingan bersama. Kedua-dua pemimpin juga seterusnya menggariskan kepentingan pertukaran dan dialog tetap yang harus diadakan melalui platform utama seperti Jawatankuasa Perdagangan Bersama (Joint Trade Committee - JTC) serta forum dua hala, serantau dan pelbagai hala yang berkaitan.

Kedua-dua pemimpin mengakui bahawa NBD dan India berkongsi hubungan sejarah yang wujud sejak berabad-abad lalu, dipermudahkan oleh interaksi budaya dan perdagangan. Pembentukan hubungan diplomatik antara kedua-

Kedua-dua pemimpin menyedari

kepentingan sekuriti makanan dan bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam pertanian dan rantaian bekalan makanan melalui perkongsian pengetahuan, amalan terbaik dan pengalaman.

TYT merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada NBD kerana terus menjadi tuan rumah Stesen Telemetri dan Telecommand (TTC) Pertubuhan Penyelidikan Angkasa India (ISRO), (Indian Space Research Organisation (ISRO)'s Telemetry Tracking and Telecommand (TTC) Station), yang menyumbang kepada usaha berterusan India, dalam bidang angkasa lepas.

Kedua-dua pemimpin menghargai perjanjian lama di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) antara kedua-dua kerajaan dan kesimpulan MoU yang diperbaharui mengalau-alukan kerjasama selanjutnya, dalam bidang kepentingan bersama di bawah MoU itu.

Kedua-dua pemimpin mengakui kepentingan meningkatkan kerjasama pertahanan dan maritim termasuk melalui pertukaran lawatan, program latihan, latihan bersama dan lawatan kapal tentera laut dan pengawal pantai antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin melahirkan rasa puas hati dengan persinggahan pelabuhan yang kerap oleh kapal dari kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin juga mengalau-alukan penerbangan langsung di antara Bandar Seri Begawan dan Chennai yang akan memupuk hubungan rakyat dengan rakyat yang lebih kukuh dan memudahkan peningkatan aktiviti perdagangan dan pelancongan antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin juga mengiktiraf peranan penting belia ke arah pembangunan negara dan bersetuju untuk menggalakkan lebih banyak pertukaran belia antara kedua-dua negara.

Kebawah DYMM turut menghargai dan mengalau-alukan tawaran latihan dan biasiswa oleh Republik India untuk warganegara Brunei di bawah pelbagai program termasuk Program Kerjasama Teknikal dan Ekonomi Republik India (Republik Indian Technical and Economic Cooperation - ITEC) dan juga program e-ITEC.

Dalam kenyataan bersama itu juga, kedua-dua pemimpin mengulangi komitmen teguh mereka untuk mengekalkan keamanan, kestabilan, keselamatan, kemakmuran dan daya tahan rantau ini, dan menekankan kepentingan mematuhi prinsip-prinsip yang digariskan dalam Piagam Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dan undang-undang antarabangsa.

Kebawah DYMM dan TYT Perdana Menteri Republik India seterusnya bersetuju untuk memperkuh kerjasama di pelbagai forum serantau dan pelbagai hala, seperti Hubungan Dialog ASEAN-Republik India, Sidang Kemuncak Asia Timur, Forum Serantau ASEAN, Mesyuarat Asia-Eropah (Asia-Europe Meeting-ASEM) dan PBB.

Kedua-dua pemimpin menegaskan bahawa pematuhan kepada sistem antarabangsa berdasarkan peraturan adalah penting untuk memastikan keamanan dan pembangunan.

Dalam pada itu juga, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk bekerjasama ke arah mempertingkatkan multilateralisme yang mencerminkan realiti kontemporari dan mengulangi komitmen mereka untuk bekerjasama rapat dalam bidang yang saling menguntungkan bagi memperkuhkan lagi Perkongsian Strategik Komprehensif ASEAN - Republik India.

Kedua-dua pemimpin mengulangi komitmen mereka untuk mengekalkan, kestabilan, keselamatan dan keselamatan maritim serta menghormati terhadap kebebasan pelayaran dan penerbangan serta perdagangan sah tanpa halangan, selaras dengan undang-undang antarabangsa, terutamanya Konvensyen PBB mengenai Undang-undang Laut (United Nations Convention on the Law of the Sea-UNCLOS) 1982.

Seterusnya, menggesa semua pihak menyelesaikan pertikaian melalui cara aman mengikut undang-undang antarabangsa, khususnya UNCLOS 1982.

Kebawah DYMM dan TYT Perdana Menteri Republik India juga mengutuk keganasan dalam semua bentuk dan juga manifestasinya serta menyeru negara-negara untuk menolaknya dan seterusnya menekankan bahawa tiada negara harus membenarkan wilayah di bawah kawalan mereka



digunakan untuk keganasan, tiada negara harus melindungi pengganas dan bertekad untuk bekerjasama membawa pelaku keganasan ke muka pengadilan.

Menyedari akan keganasan dan menjahat terancang rentas sempadan, kedua-dua pemimpin bersetuju untuk meningkatkan kerjasama dalam hal berkenaan. Kedua-dua pihak bersetuju untuk bekerjasama di PBB dan forum pelbagai hala lain untuk memerangi keganasan.

Kedua-dua pemimpin juga bersetuju mengenai keperluan mendesak untuk menangani perubahan iklim dan meningkatkan usaha dalam mengurangkan kesan buruk daripada cabaran yang semakin meningkat ini, selaras dengan objektif iklim antarabangsa, seperti Perjanjian Paris.

Kebawah DYMM menghargai inisiatif Republik India dalam menuju International Solar Alliance (ISA), Coalition for Disaster Resilient Infrastructure (CDRI) dan Global Bio-fuel Alliance (GBA).

Baginda juga turut menghargai sokongan Republik India terhadap usaha NBD menjadi tuan rumah Pusat Perubahan Iklim ASEAN (ASEAN Centre for Climate Change).

Perdana Menteri Republik India mengalau-alukan penyertaan berterusan NBD dalam Voice of the Global South Summit (VOGSS). Inisiatif yang diketuai oleh Republik India berkenaan bertujuan untuk menghimpunkan negara-negara Global Selatan di bawah platform yang sama untuk berkongsi perspektif dan keutamaan mereka dalam pelbagai isu.

Perdana Menteri Republik India juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan ke hadapan majlis Kebawah DYMM atas sambutan dan layanan mesra yang diberikan kepadanya dan juga delegasi sepanjang lawatan berkenaan.

Perdana Menteri Republik India juga turut menjemput Kebawah DYMM untuk mengadakan lawatan ke Republik India dalam masa terdekat.

Perdana Menteri Republik India menamatkan Lawatan Rasmi



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said,
Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Rabu, 4 September.
- Perdana Menteri Republik India,

Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi berserta rombongan bertolak meninggalkan Bandar Seri Begawan selepas menamatkan Lawatan Rasmi selama dua hari ke Negara Brunei Darussalam.



PERDANA Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi berserta rombongan bertolak meninggalkan Bandar Seri Begawan selepas menamatkan Lawatan Rasmi selama dua hari ke Negara Brunei Darussalam (kiri). Sementara gambar atas, Tuan Yang Terutama melintasi Barisan Kawalan Statik yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

(NBD), hari ini.
Sebelum menaiki pesawat khas, TYT Shri Narendra Modi melintasi

Barisan Kawalan Statik yang terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB).

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor kepada TYT serta rombongan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar selaku Menteri Pengiring; dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Erywan bin Pehin Datu Pekerma Jaya Haji Mohd. Yusof.

Turut hadir, Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali; Pemangku Pemerintah ABDB, Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohammad Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim; Pesuruhjaya Tinggi NBD ke Republik India, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Haji Awang Alaihuddin bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Utama Haji Awang Mohd. Taha; dan Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke NBD, Tuan Yang Terutama Alok Amitabh Dimri.

DIKIR MAULUD MULA BERGEMA



Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama dan Datin hadir pada Majlis Pembukaan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien (kiri dan bawah kiri).

maka Allah menurunkan rahmat kepadanya 10 kali".

Doa Dikir dibacakan pula oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Awang Khairul Ariffin bin Haji Yusof. Sementara Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Masjid, Masjid Omar 'Ali Saifuddien, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Emran bin Haji Kunchang.

Majlis diadakan sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid di samping dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama dengan jemaah masjid dan penduduk kampung.



BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 September. - Menanamkan rasa kasih dan cinta terhadap Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta memohon ganjaran teristimewa dan syafaat bagi orang-orang yang berselawat ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam adalah amalan mulia dalam pembentukan jati diri individu Muslim.

Bagi memperingati Hari

Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara akan turun bergema dengan Dikir Maulud Nabi Muhammad Shallallahu Alaihi Wasallam selama 12 malam berturut-turut mulai malam ini.

Sehubungan itu, Majlis Pembukaan Dikir Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diadakan malam tadi di Masjid Omar 'Ali Saifuddien yang sekali gus menandakan bermulanya pembukaan Dikir Syarafil Anam di semua masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara bagi tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi.

Hadir ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman dan Datin.

Atur cara dimulakan dengan

bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, diikuti dengan Tazkirah bertajuk 'Kelebihan Berselawat' disampaikan oleh Penceramah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Abdul Haziq bin Haji Hanafi.

Awang Muhammad Abdul Haziq dalam tazkirahnya antara lain menjelaskan, dengan memperbaikkan selawat kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, hati dan akal akan menjadi lebih tenang.

Selain itu, terdapat juga banyak kelebihan dan keutamaan lain yang boleh kita peroleh daripada amalan berselawat, antaranya ialah mendapat rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala, jelasnya lagi.

Beliau seterusnya menyebutkan sebuah hadis riwayat Imam Muslim dari Abu Hurairah Radiallahu Anhu ia berkata Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda "Sesiapa berselawat kepadaku sekali,



TAZKIRAH bertajuk 'Kelebihan Berselawat' disampaikan oleh Penceramah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Muhammad Abdul Haziq bin Haji Hanafi.

Majlis Dikir semarak Maulidur Rasul



YANG Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal) hadir pada Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi yang berlangsung di Istana Nurul Iman (kanan). Manakala gambar atas, sekitar Majlis Dikir Syarafil Anam berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 September. - Majlis Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masihi diteruskan lagi malam tadi di Istana Nurul Iman.

Hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Fiskal), Yang Mulia Pengiran Datuk Seri Paduka Hajah Zety Sufina binti Pengiran Dato Paduka Haji Sani; Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal II), Kementerian Kewangan dan Ekonomi (MOFE), Dayang Hajah

Latifah binti Haji Mahmud; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), MOFE, Awang Mohammad Harris bin Brigadier General (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.

Turut hadir para pegawai dan kakitangan dari Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, serta MOFE; Ahli-ahli Persatuan Bekas Kakitangan Kerajaan Daerah Tutong (PAKATAN), para jemaah Muslimah Masjid Hassanul Bolkiah, Tutong; para pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanul Bolkiah

dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Kumpulan Belia Masjid.

Majlis dimulakan dengan menuaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Awang Haji Fansuri Sharimi@ Haji Mansur bin Mohd. Ali dari Jabatan Hal Ehwal Masjid yang juga mengetuai bacaan Surah Al-Fatihah dan ayat-ayat suci Al-Quran.

Majlis juga diserikan dengan tazkirah bertajuk 'Sunnah Memakai Wangian' yang disampaikan oleh Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman dari Pusat Da'wah

Islamiah. Majlis disusuli dengan Persembahan Dikir antaranya Dikir Assalamualaika, Dikir Khairuman, Dikir Bisyahrin, Dikir Al-Hamdu, dan Dikir Badat.

Bagi memberkati majlis, Doa Dikir juga Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Mohd. Amin bin Haji Salim.

TAZKIRAH disampaikan oleh Haji Ahmad Abdussalam bin Haji Abd. Rahman dari Pusat Da'wah Islamiah.



Kementerian Pertahanan anjur Majlis Khatam Al-Quran



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Khatam Al-Quran bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masih di Surau Al-Huda, Tentera Laut Diraja Brunei (atas dan kanan).

MUARA, Jumaat, 6 September.

- Kementerian Pertahanan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 bagi Tahun 1446 Hijrah / 2024 Masih di Surau Al-Huda, Tentera Laut Diraja Brunei (TLDB).

Majlis juga diadakan secara serentak di semua surau Angkatan

Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan Masjid Pulau Baru-Baru.

Majlis Khatam Al-Quran yang dikepalai oleh Jabatanrahan Agama ABDB (JAMA'AT), Awang Mohd. Rif'at Atiyah bin Anwari merupakan pesambutan istimewa ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi menzahirkan rasa penuh kesyukuran dan bermunajat ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda akan terus dikurniakan nikmat lanjut usia dan kesihatan serta kekal

karar memerintah Negara Brunei Darussalam.

Acara tahunan ini juga adalah sebagai cetusan wacana taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja yang berdaulat lagi bijaksana yang sangat prihatin, pemelulian dan berjiwa rakyat.

Majlis tersebut dimulakan dengan bacaan Sayyidul Istighfar dan Surah Al-Fatiyah yang dipimpin oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis seterusnya disusuli

dengan bacaan Al-Quran dan surah-surah lazim, bacaan Takhtim dan Tahlil beramai-ramai, diikuti dengan bacaan Doa Khatam Al-Quran.

Pada majlis tersebut juga, Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II juga turut menyempurnakan penyampaian cenderahati kepada peserta Khatam Al-Quran.

Turut hadir, Pemangku Pemerintah ABDB, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Timbalan-timbalan Pemerintah Angkatan Tentera, Komandan Institut Latihan ABDB (IL ABDB), pegawai-pegawai dan warga

Kementerian Pertahanan.

Hadir sama, Penolong Pengguna Bomba, Balai Bomba Muara, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Awang Murni bin Haji Misir; Pengguna Kastam Kanan, Kawangan Muara, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Awang Faizal Bahrin bin Haji Bujang; Ketua Pos Kawalan Feri Terminal Serasa, Muara, Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan, Dayang Hajah Halimah bin Haji Moktar dan Pemangku Penghulu Mukim Serasa, Awang Shahminan bin Haji Abdul Rahman juga selaku Ketua Kampung Kapok.

2 PELAJAR TERIMA BIASISWA PEMERINTAH TERTINGGI ABDB



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir bagi menyaksikan dan menyempurnakan penyampaian sijil penganugerahan dan cenderamata kepada para penerima Biasiswa PT ABDB (kiri dan kanan).

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 September. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan titah perkenan bagi Penganugerahan Biasiswa Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (PT ABDB) bagi 2024 kepada dua penuntut cemerlang.

Majlis Penandatanganan Perjanjian dan Penganugerahan

Biasiswa PT ABDB berkenaan berlangsung di Mes Pegawai Bolkiah Garrison, Kementerian Pertahanan, di sini.

Hadir bagi menyaksikan dan menyempurnakan penyampaian sijil penganugerahan dan cenderamata kepada para penerima Biasiswa PT ABDB, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Menandatangani bagi pihak Kementerian Pertahanan ialah

Pemangku Pemerintah ABDB, Brigadier Jeneral (U) Dato Seri Pahlawan Mohd. Sharif bin Dato Paduka Haji Ibrahim bagi penerima biasiswa yang akan menceburii bidang kerjaya tentera dalam ABDB, manakala Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Brigadier Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Alirupendi bin Haji Perudin, bagi penerima biasiswa yang akan menceburii bidang kerjaya awam di Kementerian Pertahanan.

Para penerima Anugerah Biasiswa PT ABDB pada tahun ini telah pun menamatkan pengajian di peringkat 'A' Level dan merupakan penuntut lepasan dari Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan.

Mereka ialah Dayang Rizawani binti Zaini yang akan melanjutkan pengajian Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Ekonomi dan Politik di University of Bristol, United Kingdom; dan Awang Muhammad Nu'man Syafiq bin Suhamri yang akan mengikuti pengajian di Australian Defence Force Academy, Australia bagi Sarjana Muda dalam bidang Sains Komputer.

Skim Biasiswa PT ABDB adalah merupakan salah satu skim biasiswa yang berprestij di Negara Brunei Darussalam. Tujuan utama skim biasiswa berkenaan ialah untuk melahirkan para pemimpin muda yang cemerlang dan berpotensi, yang akan menyumbang kepada

perkembangan negara khususnya dalam bidang pertahanan dan sekuriti.

Terdahulu sebelum itu, Pemangku Pengarah, Jabatanrahan Pentadbiran dan Tenaga Manusia, Awang Haji Kamarul Azam bin Haji Mohamad dalam ucapan alu-alunya antara lain berkata, penerima biasiswa hari ini adalah cerminan dan cita-cita Kementerian Pertahanan untuk melahirkan pemimpin yang berwibawa, berintegriti, serta mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang tinggi dalam bidang pertahanan dan keselamatan

Menurutnya, para pelajar yang terpilih telah melalui beberapa proses penilaian untuk memastikan mereka memenuhi kriteria-kriteria yang dikehendaki.

"Sejak skim biasiswa ini diperkenalkan pada 2005, seramai 112 pelajar, termasuk dua pelajar pada tahun ini, telah dianugerahkan biasiswa yang berprestij ini.

"Sepanjang mengikuti kursus, penerima-penerima biasiswa akan diberikan program-program yang bertujuan untuk memberikan mereka pendekahan yang bersesuaian sebagai persediaan mereka sebelum memasuki alam pekerjaan.

"Antaranya termasuklah program-program kolaborasi di antara Kementerian Pertahanan Brunei Darussalam dengan Kementerian Pertahanan, Republik Singapura dan penempatan kerja di mana mereka akan bertugas nanti," ujarnya.

Turut hadir ialah Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif Pertahanan dan ABDB, Ahli-ahli Badan Proses Penilaian Biasiswa PT ABDB 2024, pengarah dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertahanan serta anggota-anggota Kementerian Pertahanan serta para ibu bapa, dan para penjamin penerima biasiswa.

JPM SEMARAKKAN MAJLIS PEMBUKAAN DIKIR

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Alishahrin Haji Mumin

KIARONG, Rabu, 4 September. - 12 Rabiulawal merupakan tarikh keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan menjadi kelazimannya masjid-masjid, balai-balai ibadat dan surau-surau seluruh negara diimarahkan dengan selawat dan dikir sepanjang 12 malam berturut-turut bermula 1 Rabiulawal.

Sempena memperingati Hari Keputeraan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pada tanggal 12 Rabiulawal tahun ini, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Pembukaan Dikir yang berlangsung di Jame' Asr Hassanal Bolkiah.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejari Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Majlis Pembukaan Dikir Maulud dimulakan dengan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah, diikuti dengan bacaan wirid serta doa, Surah Al-Fatihah dan seterusnya bacaan Dikir Assalamualaika dan Dikir Syarafil Anam.



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pembukaan Dikir yang berlangsung di Jame' Asr Hassanal Bolkiah (kiri), manakala gambar kanan, sebahagian yang hadir pada majlis tersebut.

Majlis kemudian diteruskan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan Dikir Marhaban dan Doa memohon perlindungan daripada Allah Subhanahu Wata'ala serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Suhaili bin Haji Metali Al-Hafiz.

Majlis diakhiri dengan penyerahan sumbangan wakaf oleh tetamu kehormat majlis kepada pihak Jame' Asr Hassanal Bolkiah yang diwakili oleh Awang Haji Haris bin Haji Suboh.

Kira-kira 250 orang menghadiri majlis berkenaan terdiri daripada Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin

Haji Besar; Timbalan Menteri (Urustabdil Perkhidmatan Awam) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos; Timbalan Menteri (Sekuriti dan Undang-undang) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Sufian bin Haji Sabtu; Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohamad

Azmi bin Haji Mohd. Hanifah; Ketua Pendaftar Mahkamah Besar, Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan JPM dan Jabatan-jabatan di bawahnya bagi sama-sama memeriahkan Majlis Pembukaan Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Laungan dikir semarakkan Sambutan Maulud Nabi Muhammad

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 September. - Bagi menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam 1446 Hijrah / 2024 Masihi, Majlis Persembahan Bercorak Ugama diadakan di Istana Nurul Iman, di sini.

Hadir ke majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato

Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah.

Turut hadir pegawai-pegawai dan kakitangan dari JPM; dan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama; Kumpulan Persatuan Basmi Dadah Negara Brunei Darussalam (BASMINA); jemaah Muslimah dari Masjid Sultan Sharif Ali; dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Kumpulan Belia Masjid.

Terdahulu itu, majlis dimulakan dengan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah yang diimamkan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Amin bin Haji Salim, disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Majlis diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Sayyidul Istighfar yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Awang Muhammad Amin bin Haji Salim, disusuli dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran.

Kemudian majlis diserikan dengan



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir pada Majlis Persembahan Bercorak Ugama (atas), manakala gambar kiri, majlis diserikan dengan tazkirah.

tazkirah bertajuk 'Menghayati Sunnah Rasullullah', dan diteruskan dengan persembahan dikir bermula dari Dikir Assalamualaika, Dikir

Khairuman, Dikir Bisyahrin, Dikir Al-Hamdu, Dikir Badat, Selawat Tafrijiyah, dan Dikir Asyrapkal.

Bagi memberkati majlis, Doa Dikir

dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Awang Muhammad Amin.

Laungan Dikir Maulud terus bergema

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BELAIT, Khamis, 5 September. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini meneruskan lagi Majlis Dikir Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Timbalan Menteri (Tenaga) di JPM, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Mohammad Azmi bin Haji Mohd. Hanifah disertai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis didahului dengan menunaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang

diketuai oleh Imam Masjid Mohammad Jamalul Alam. Majlis diteruskan dengan bacaan wirid dan doa, bacaan Surah Al-Fatihah dan Persembahan Dikir Assalamualaika serta Dikir Syarafil Anam daripada Kumpulan Dikir Pasukan Polis Diraja Brunei.

Kemudian majlis diteruskan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, diikuti dengan Persembahan Dikir Marhaban, bacaan doa memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala agar negara terselamat daripada bala bencana dan segala jenis penyakit serta bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Majlis diakhiri dengan penyerahan sumbangan wakaf oleh tetamu kehormat majlis kepada wakil Masjid Mohammad Jamalul Alam.



YANG Mulia Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di Masjid Mohammad Jamalul Alam, Kuala Belait.

Dikir Maulud KSSUP semarakkan Maulidur Rasul



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir Maulud 12 malam berturut-turut sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah bersamaan 2024 Masihi.

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN,
Khamis, 5 September. -
Kementerian Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan
(KSSUP) serta jabatan-jabatan
di bawahnya membuka tirai
Dikir Maulud 12 malam berturut-
turut sempena Sambutan Maulud
Nabi Muhammad Sallallahu
Alaihi Wasallam bagi Tahun
1446 Hijrah bersamaan 2024
Masihi di Masjid Duli Raja Isteri
Pengiran Anak Damit, Mukim
Kilanas.

Hadir selaku tetamu kehormat
majlis, Menteri Sumber-Sumber
Utama dan Pelancongan, Yang
Berhormat Dato Seri Setia Dr.
Awang Haji Abdul Manaf bin Haji
Metussin.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan,
pegawai dan kakitangan KSSUP
serta jabatan-jabatan di bawahnya;
Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir
Masjid serta jemaah masjid
berkenaan.

Majlis terlebih dahulu dimulakan
dengan Sembahyang Fardu
Maghrib Berjemaah dan disusuli
dengan bacaan Surah Al-Fatihah
yang dipimpin oleh Pegawai Hal

Ehwal Masjid, Masjid Duli Raja
Isteri Pengiran Anak Damit, Mukim
Kilanas, Awang Adee Aiman bin
Haji Muhibin.

Sejurus selepas itu, majlis
diteruskan lagi dengan bacaan
Dikir Syarafil Anam beramai-ramai
dan ditutup dengan Doa Selamat.

Majlis yang diselaraskan oleh
Jabatan Kemajuan Pelancongan
berkenaan merupakan salah satu
aktiviti tahunan KSSUP dalam sama-
sama meriah pahala dan
menyemarakkan Hari
Keputeraan Junjungan Besar
Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi
Wasallam.

Lengkapi Borang Deklarasi Kesihatan semasa tiba ke NBD

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 September. - Dalam menangani merebaknya penyakit Mpox di beberapa buah negara, Kementerian Kesihatan telah mempertingkatkan langkah-langkah kesiapsiagaan kesihatan awam terhadap Mpox di Negara Brunei Darussalam (NBD) untuk memastikan sistem kesihatan di negara ini bersiap sedia untuk mengesani Mpox dengan cepat, menguruskan sebarang kes yang disyaki atau disahkan dan mengawal penularan selanjutnya.

Mpox adalah virus yang boleh merebak melalui sentuhan rapat dengan ruam kulit, cecair badan, hubungan seksual dengan individu yang dijangkiti dan persekitaran serta permukaan yang tercemar.

Mereka-mereka yang berisiko tinggi adalah dalam kalangan mereka yang terlibat dalam seks sejenis atau seks rambang, mereka yang mempunyai sejarah perjalanan ke kawasan yang terjejas teruk dengan Mpox dan petugas kesihatan.

Antara simptom utama Mpox ialah ruam yang boleh mempengaruhi mana-mana bahagian badan, tetapi biasanya pada muka, tangan atau kawasan alat kelamin. Simptom lain adalah seperti demam, Bengkak kelenjar dan badan lemah.

Mpox kurang berjangkit berbanding COVID-19. Walau bagaimanapun, orang ramai adalah dinasihatkan untuk sentiasa berhati-hati dan mengelakkan berkunjung ke tempat-tempat yang merebaknya Mpox secara meluas dan mengelakkan aktiviti-aktiviti yang menyebabkan berjangkitnya penyakit ini.

Bermula 7 September 2024, orang ramai yang tiba ke NBD melalui udara, darat atau laut adalah dikehendaki menggunakan aplikasi BruHealth untuk melengkapkan Borang Deklarasi Kesihatan semasa ketibaan.

Keperluan ini dilaksanakan di bawah Akta Penyakit Berjangkit, Bab 204, untuk langkah-langkah kawalan wabak Mpox. Orang ramai yang tiba melalui pos-pos kawalan perlulah melengkapkan Borang Deklarasi Kesihatan akan diminta melaporkan sejarah perjalanan mereka dalam tempoh 21 hari terakhir dan juga melengkapkan saringan kesihatan.

Di samping itu, nasihat-nasihat kesihatan telah disediakan di pusat pemeriksaan udara, darat dan laut supaya orang ramai yang akan keluar negara akan dapat mengambil langkah berjaga-jaga untuk mengelakkan daripada dijangkiti. Pengunjung dinasihatkan untuk mematuhi nasihat-nasihat ini, terutamanya jika melakukan perjalanan ke negara-negara yang terjejas.

Kementerian Kesihatan akan terus memantau situasi wabak di dalam negara serta di peringkat serantau dan global serta melaksanakan penilaian risiko secara berterusan.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu www.moh.gov.bn atau melalui aplikasi BruHealth.

KMB ADAKAN MAJLIS KHATAM AL-QURAN



HALUAN

>> Muka 2

Bagi mengakhiri ucapan, peramba / saya sekali lagi sukacita merakamkan ucapan berbanyak terima kasih kepada Yang Mulia Pesuruhjaya Polis Diraja Brunei di atas penghormatan yang telah diberikan kepada peramba / saya untuk hadir selaku tetamu kehormat di dalam Majlis Perbarisan Tamat Latihan Pegawai Kadet Penolong Penguasa Polis Skuad 1/2023.

Kepada Pegawai Kadet yang diraikan pada pagi ini diucapkan selamat maju jaya dalam penempatan masing-masing dan di dalam perkhidmatan seterusnya. Didoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa mengurniakan rahmat, petunjuk serta hidayah dan memberkati dan meredai pengabdian dan pengorbanan di dalam kerjaya. Aamin Ya Rabbal Alamin.

Sekian,
Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 6 September. - Majlis Khatam Al-Quran bersempena dengan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 diadakan oleh Kumpulan Meraih Barkah (KMB), hari ini malah majlis seumpama ini giat diadakan setiap tahun bersempena sambutan berkenaan.

Acara seumpama itu merupakan sebagai tanda kasih dan taat setia kepada raja, terus menyokong dan mendukung kepimpinan baginda dalam merealisasikan harapan baginda untuk melihat

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

ISTERI MENTERI HAL EHWAH UGAMA,
Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi
hadir selaku tetamu kehormat pada
Majlis Khatam Al-Quran berkenaan.

Negara Brunei Darussalam (NBD) terus maju, mantap dan aman di bawah naungan rahmat Allah serta diberkati usia dan kekal karar memerintah negara.

Tadarus KMB telah diadakan bermula semasa Hari Keputeraan baginda secara dalam talian selepas menunaikan Sembahyang Fardu Subuh yang dipimpin oleh ustazah-ustazah KMB.

Sehubungan itu, seramai 100 peserta menyertai Majlis Khatam berkenaan yang diadakan bertempat di Masjid Ash-Shaliheen.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah isteri Menteri Hal Ehwal Ugama, Datin Hajah Nahriah binti Haji Asbi.

Sementara itu, bacaan khatam diketuai oleh Pengiran Hajah Halijah binti Pengiran Haji Damit,



ANTARA yang menyertai Majlis Khatam Al-Quran tersebut.

PENGANUGERAHAN BIASISWA PELUANG TINGKATKAN MOTIVASI PELAJAR CEMERLANG

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penganugerahan kepada para penerima (atas dan atas kiri).

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 September. - Biasiswa Kerajaan yang dianugerahkan diharap akan dapat menjadi pemangkin dalam meningkatkan motivasi kepada pelajar-pelajar cemerlang untuk menjadi lebih cemerlang dan juga sebagai pendorong dan penggalak kepada semua pelajar untuk berusaha dengan gigih ke arah mencapai kecemerlangan bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga dalam semua bidang.

Sebagai aset penting negara dan kepimpinan masa hadapan, pelajar-pelajar sebagai generasi muda masa kini perlu menjadi lebih peka, celik minda, mampu melihat jauh ke hadapan serta dapat menjana minda dengan penguasaan ilmu pengetahuan dalam pelbagai bidang untuk menjadi insan yang cekal dan berdaya saing.

Pemangku Pengarah Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan, Dayang Rosimah Sumaimah binti Haji Matassim selaku Pengurus Majlis menyatakan perkara tersebut semasa memberikan ucapan alu-aluan pada Majlis Penganugerahan bagi Penerima-penerima Biasiswa UTB's Scholars, Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri bagi melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda di institusi-institusi luar negara serta Biasiswa Khas Dalam Negeri untuk mengikuti pengajian ke Peringkat Menengah

dan Pra-Universiti di Jerudong International School (JIS) dan International School Brunei (ISB) bagi Sesi Akademik 2024 / 2025 bertempat di Dewan Banquet, Bangunan Majlis Mesyuarat Negara, hari ini.

Dayang Rosimah Sumaimah seterusnya mengingatkan pelajar-pelajar untuk lebih bijaksana dalam membina jati diri dan tidak mudah terjebak dalam aktiviti-aktiviti negatif yang boleh menghancurkan masa hadapan mereka, keluarga, masyarakat dan bangsa.

Bagi pihak Kementerian Pendidikan, beliau turut mendoakan agar pelajar-pelajar akan terus melakar kejayaan yang bakal membanggakan diri sendiri, keluarga, institusi, masyarakat, bangsa dan negara.

Menurut beliau lagi, biasiswa yang dianugerahkan ini bukan sahaja memberi peluang kepada pelajar untuk melanjutkan pengajian, tetapi juga merupakan tanggungjawab yang besar. Ia adalah sebagai tanda kepercayaan negara, bahawa pelajar-pelajar ini nanti akan menjadi harapan dan aset penting negara, dalam sama-sama membantu untuk memacu pertumbuhan sosioekonomi negara.

Oleh itu, beliau menyeru para penerima biasiswa untuk menggunakan peluang ini sebaik mungkin untuk mencapai kejayaan

yang lebih besar, sentiasa mensyukuri, menghargai dan tidak mempersia-siakan peluang yang diberikan kerana ia adalah merupakan pengalaman yang amat berharga.

"Bagi pelajar-pelajar yang akan mengikuti pengajian ke luar negeri, walaupun pelajar-pelajar akan belajar di negara lain, adalah dinasihatkan agar pelajar-pelajar untuk sentiasa ingat akan asal-usul, mengekalkan jati diri Brunei, memartabatkan budaya orang Brunei, bersikap bulat kepada Brunei, mengutamakan akhlak yang baik, dengan ugama menjadi pegangan yang kuat dengan tidak mengabaikan kewajiban beragama seperti sembahyang lima waktu, membaca Al-Quran dan lain-lain tuntutan amal salih dan sentiasa berpegang teguh kepada falsafah Melayu Islam Beraja di mana sahaja berada.

"Janganlah sesekali pelajar terbabas dari landasan Melayu Islam Beraja dalam keghairahan mengejar kejayaan di luar sana. Usahlah mudah terikut-ikut dengan budaya yang kurang elok, bak kata peribahasa Melayu, yang baik dijadikan teladan, yang buruk dijadikan sempadan," ujarnya lagi.

"Baru-baru ini, pelajar-pelajar yang telah dianugerahkan Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri telah pun mengikuti Program Jati Diri Berkat yang diungkayahkan oleh Jabatan

Pengurusan Biasiswa selama lima hari.

"Program tersebut dihasratkan dapat memberi impak positif dalam jangka masa pendek dan juga jangka masa panjang kepada pelajar-pelajar terutama sekali dalam persediaan pelajar untuk menempuh kehidupan dan pembelajaran di luar negara, mempersiapkan pelajar dari segi kemahiran hidup (*life skills*) serta cara hidup bermasyarakat.

"Program tersebut juga bertujuan untuk mengukuhkan jati diri pelajar sebagai rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

"Dalam program ini, pelajar-pelajar telah dibimbing dengan beberapa ilmu dan nilai-nilai murni yang berguna seperti ilmu kemahiran hidup, keyakinan, ciri-ciri kepimpinan, membuat keputusan, pengukuhkan akidah dan juga jati diri. Adalah diharapkan dengan ilmu pengetahuan yang telah diperoleh daripada program tersebut akan menjadi sukat-sukat semasa menjalani pengajian di luar negara nanti," terang beliau lagi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis bagi menyempurnakan penganugerahan ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Kesukuran yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Raminey bin Haji Salleh, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengarah Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan.

Seorang pelajar telah menerima Biasiswa UTB's Scholars, manakala, 45 pelajar telah menerima Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri di peringkat Ijazah Sarjana Muda serta 20 pelajar di peringkat Menengah dan 18 pelajar di peringkat Pra-Universiti telah dianugerahkan Biasiswa Khas Dalam Negeri ke Sekolah-sekolah Antarabangsa.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Naib Canselor Universiti Teknologi Brunei (UTB), Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pendidikan, wakil agensi-agensi kerajaan dan sekolah-sekolah antarabangsa serta para ibu bapa dan penjaga pelajar. Majlis ini dikendalikan oleh Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan.

Raih ganjaran istimewa berselawat ke atas Rasulullah



SETIAUSAHA Tetap **KHEU** mengetuai rombongan pada Majlis Ihya Maulidur Rasul bertempat di Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong 3 Selatan Seria (kiri). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



Rasul bertempat di Masjid Skim Tanah Kurnia Rakyat Jati Lorong 3 Selatan Seria, di sini.

Mengetuai rombongan ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim. Majlis tersebut diadakan adalah juga bagi meriah keberkatan dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala serta memupuk kesedaran dan keinsafan umat Islam dalam mengenang jasa dan pengorbanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menyebarkan agama Islam di samping menanamkan rasa kasih

dan cinta terhadap Baginda.

Di samping itu, ia sebagai salah satu syiar Islam untuk memakmurkan masjid, selain mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan pegawai dan kakitangan KHEU dengan jemaah masjid serta penduduk kampung di sekitarnya.

Dikir 12 Malam berturut-turut bagi rombongan KHEU seterusnya

akan mengunjungi Masjid Kampung Belimbang Subok pada Isnin, 9 September 2024.

Turut Hadir, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abd. Karim; Pemangku Pegawai Daerah Belait, Awang Haji Amiro Hafidzin bin Haji Muhammad dan Ketua Pegawai Ugama Daerah Belait, Awang Md. Aliyani bin Ismail.

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BELAIT, Jumaat, 6 September. - Dalam sama-sama memperingati dan memeriahkan lagi Sambutan Hari Keputeraan Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang disambut pada 12 Rabiulawal setiap tahun hijrah, semua masjid, surau dan balai ibadat di seluruh negara terus

PPDB MULAKAN MAJLIS DIKIR MAULIDUR RASUL

PESURUHJAYA Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) hadir selaku tetamu kehormat bagi sama-sama menyemarakkan Majlis Pembukaan Dikir Syarafil Anam sempena Maulid Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah (kanan), manakala gambar bawah kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 September. - Bagi memperingati akan keputeraan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam pada setiap 12 Rabiulawal Tahun Hijrah yang akan tiba, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah mengadakan Majlis Pembukaan Dikir Syarafil Anam sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1446 Hijrah, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi sama-sama menyemarakkan majlis tersebut ialah Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Paduka Seri Awang Haji Mohammad Irwan bin Haji Hambali.

Majlis didahului dengan menuaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah dan seterusnya diikuti dengan bacaan dikir beramai-ramai serta diakhiri dengan Dikir Marhaban.



■ Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

Majlis Dikir Maulud ini seperti lazimnya dikendalikan setiap tahun oleh Badan Ugama Islam (BUI), PPDB dan akan diungkayahkan oleh jabatan-jabatan dan formasi-formasi PPDB sepanjang acara dikir diadakan, dengan tujuan bersama-sama menyemarakkan lagi sambutan memperingati Hari Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Juga hadir, Timbalan Pesuruhjaya Polis, PPDB, Dato Seri Pahlawan Awang Sulaiman bin Alidin; Timbalan Pengguna Polis, Muhammad Aimi Safwan bin Zalidin selaku Pengurus BUI, PPDB; pengarah-pengarah jabatan, pegawai-pegawai kanan, para pegawai dan anggota pangkat rendah PPDB.



Majlis Dikir semarakkan, memeriahkan Hari Kebesaran Islam



■ Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hasif Matzin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 September. - Laungan Dikir Syarafil Anam mula bergema di masjid-masjid, surau-surau dan balai-balai ibadah seluruh negara sempena memperingati

Keputeraan Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam yang kita kasih.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya malam tadi membuka tirai Dikir Maulud 12 malam berturut-turut sempena Sambutan Maulud

TIMBALAN Setiausaha Tetap (Tenaga) di Jabatan Perdana Menteri hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi 1446 Hijrah yang berlangsung di Masjid Ash-Shaliheen.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Setiausaha Tetap (Tenaga) di JPM, Pengiran Haji Jamra Weira bin Pengiran Haji Petra.

Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis didahului dengan menuaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Acara diteruskan lagi dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti persembahan dikir beramai-ramai yang dimulakan dengan Dikir Assalamualaika disusuli dengan Dikir Syarafil Anam serta Dikir Marhaban dan kemudian diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Adapun Majlis Dikir berkenaan adalah bagi menyemarakkan dan memeriahkan lagi Hari Kebesaran Islam di samping bagi meraih syafaat Junjungan Besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

UNISSA anjur Majlis Pembukaan Dikir Maulidur Rasul



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 September. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar (Unit Keugamaan dan Takmir Surau) telah mengadakan Majlis Pembukaan Berdikir 12 malam bagi memperingati Hari Keputeraan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, bertempat di Surau Al-Syafi'i, UNISSA, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan ialah Rektor UNISSA, Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfian bin Haji Zainal.

Majlis dimulakan dengan menuaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah yang diimamkan oleh pelajar Tahun 2 dari Fakulti Usuluddin, Md. Hazmi bin Haji Abd. Mutualib. Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat majlis.

Laungan Dikir Syarafil Anam dipimpin oleh Exco Unit Keugamaan dan Takmir Surau, MPP, Awangku Md. Afiq Hanif bin Pengiran Md. Hadzarin. Manakala Doa Dikir pula dipimpin oleh pelajar Tahun 2 dari Pusat Penyelidikan Halalan Thayyiban, Md. Abd. Muhammin bin Haji Kifli dan diakhiri dengan menuaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah.

Majlis ini merupakan salah satu acara Hari Kebesaran Islam, mengharapkan syafaat Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua. Turut hadir, Pemangku Timbalan Rektor (Dasar dan Korporat), pegawai-pegawai utama, tenaga akademik dan kakitangan serta mahasiswa UNISSA.





Bekal ke alam yang kekal

Dalam hadis yang disebutkan beberapa tergolong dalam amal jariah. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sesungguhnya di antara amal kebaikan yang mendatangkan pahala setelah orang yang melakukannya meninggal dunia ialah ilmu yang disebarluaskannya, anak soleh yang ditinggalkannya, mushaf (kitab-kitab keagamaan) yang diwariskannya, masjid yang dibina, rumah yang dibina untuk penginapan orang yang sedang dalam perjalanan, sungai yang dialirkannya untuk kepentingan orang ramai dan harta yang disedekahkannya". (Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah)

Di dalam hadis itu tadi, ada disebutkan tujuh jenis amalan yang tergolong sebagai amal jariah, iaitu :

Pertama : Ilmu yang disebarluaskan.

Menyebarluaskan ilmu pengetahuan yang bermanfaat, sama ada melalui pendidikan formal seperti sekolah, universiti dan institusi ataupun melalui pendidikan tidak formal seperti perbincangan ilmiah, tazkirah di masjid-masjid, ceramah umum, kursus motivasi, program dakwah dan sebagainya. Termasuk juga menulis buku-buku yang berguna, menulis kitab-kitab agama dan menyebarkan bahan-bahan ilmiah dan pendidikan Islam melalui artikel-artikel tazkirah di dalam media sosial. Maka selama mana ilmu-ilmu itu terus diamalkan dan diajarkan daripada satu generasi ke generasi berikutnya dan diamalkan, maka orang-orang yang mengajarkannya akan mendapat limpahan pahala yang terus mengalir.

Kedua : Anak soleh yang ditinggalkan.

Anak yang soleh akan selalu berbuat kebaikan di dunia dan selalu mendoakan ibu bapanya. Kebaikan yang dilakukan oleh anak soleh pahalanya akan sampai kepada ibu bapanya yang mendidiknya yang telah meninggal dunia tanpa mengurangkan nilai atau pahala yang diterima oleh anak-anak tersebut. Doa anak yang soleh kepada ibu bapanya juga adalah doa yang mustajab. Maka di sinilah pentingnya ibu bapa mendidik putera-puterinya menjadi anak-anak yang soleh dan solehah, demikian pula anak-anak itu nanti mendidik putera-puterinya menjadi soleh dan solehah lalu mendoakan ibu bapanya, datuk dan nenek mereka. Kerana itu, salah satu doa yang sangat penting untuk diamalkan adalah

lain pula, juga perbuatan yang disebutkan beberapa tergolong dalam amal jariah. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud : "Sesungguhnya di antara amal kebaikan yang mendatangkan pahala setelah orang yang melakukannya meninggal dunia ialah ilmu yang disebarluaskannya, anak soleh yang ditinggalkannya, mushaf (kitab-kitab keagamaan) yang diwariskannya, masjid yang dibina, rumah yang dibina untuk penginapan orang yang sedang dalam perjalanan, sungai yang dialirkannya untuk kepentingan orang ramai dan harta yang disedekahkannya". (Hadis Riwayat Imam Ibnu Majah)

Tafsirnya : "Ya Tuhan! Kurniakanlah kepadaku (anak) yang termasuk orang-orang soleh".

Ketiga : Kitab-kitab agama yang diwariskan.

Mewariskan kitab-kitab dan buku-buku agama kepada orang-orang yang dapat memanfaatkannya untuk kebaikan diri dan masyarakatnya, termasuklah juga untuk sekolah-sekolah agama, perpustakaan awam dan seumpamanya. Maka selagi kitab-kitab tersebut digunakan sebagai bahan bacaan dan rujukan daripada satu generasi ke satu generasi berikutnya, maka orang yang mewakafkan akan mendapat pahala yang berterusan mengalir.

Keempat : Masjid yang dibina. Daripada Uthman bin Affan Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Barang siapa yang membangun masjid kerana Allah, maka Allah akan membangun baginya seperti itu di surga". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

Dalam hal ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memberikan peluang kepada orang ramai untuk melakukan amal jariah khususnya umat Islam di negara ini bagi menginfakkan dan membelanjakan sebahagian harta dengan niat sebagai ibadah dan melipatgandakan amal kebajikan semata-mata bagi meraih ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah Subhanahu Wata'ala melalui Tabung Dana Pembinaan Masjid Negara Brunei Darussalam.

Kelima : Rumah yang dibina untuk penginapan orang yang sedang dalam perjalanan.

Membangun rumah musafir atau pondok bagi orang-orang yang bermusafir untuk kebaikan adalah suatu amalan yang sangat dianjurkan. Setiap orang yang memanfaatkannya, baik untuk beristirahat sebentar mahupun untuk bermalam dan keperluan lain yang bukan untuk maksiat, akan mengalirkan pahala kepada orang yang menyediakannya, termasuklah juga membina pondok untuk berehat di tepi-tepi jalan.

Keenam : Sungai yang dialirkannya untuk kepentingan orang ramai.

Mengalirkan air secara baik dan bersih ke

tempat-tempat orang yang memerlukannya atau membuat pergi di tempat yang sering dilalui atau didiami orang ramai. Setelah orang yang mengalirkan air itu meninggal dunia dan air itu tetap mengalir serta terjaga daripada pencemaran dan dimanfaatkan orang yang hidup maka dia tetap mendapat pahala yang berterusan. Semakin ramai orang yang memanfaatkannya maka akan semakin banyak ia menerima pahala di akhirat.

Ketujuh : Harta yang disedekahkannya.

Sedekah diberikan secara ikhlas akan mendatangkan pahala yang berlipat ganda. Selain daripada harta yang diberikan sebagai sedekah, harta juga boleh diwakafkan seperti mewakafkan tanah atau bangunan untuk pendidikan Islam, pusat kebajikan dan sebagainya. Selagi tempat tersebut digunakan untuk kebaikan maka pahalanya akan terus mengalir kepada pewakaf tersebut.

Kita dianjurkan berusaha mencari kekayaan dunia tetapi hendaklah digunakan seimbang untuk dunia dan akhirat. Islam melarang kita bersifat bakhil, kecintaan yang berlebihan terhadap nikmat dunia dan kurang peka terhadap keperluan orang lain serta mementingkan diri sendiri. Maka marilah kita berusaha untuk memperbanyak sedekah jariah yang manfaatnya bersifat kekal. Kita juga berusaha untuk terus-menerus mencari ilmu disertai dengan mengamalkannya dan mengajarkan ilmu-ilmu tersebut. Selain itu, kita juga terus berusaha mendidik puteri-puteri kita serta mendoakan mereka agar menjadi anak yang soleh dan solehah yang nanti akan mendoakan kita.

Oleh yang demikian, teruskanlah menanam saham untuk akhirat dengan beramal jariah kerana inilah jenis amalan yang berterusan mengalir pahalanya umpama air sungai yang mengalir, sama ketika masih hidup ataupun telah meninggal dunia.

Tafsirnya : "Dan carilah (pahala) negeri akhirat dengan harta kekayaan yang telah dikurniakan Allah kepadamu dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada (kenikmatan) dunia. Dan berbuat baiklah sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu serta janganlah engkau melakukan kerosakan di bumi, sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melakukan kerosakan". (Surah Al-Qasas, ayat 77)

BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Sesungguhnya kita hidup di dunia ini hanya sementara, akhirat jua yang kekal abadi. Oleh itu, sebagai seorang Muslim, kita hendaklah memanfaatkan setiap detik dari usia yang kita lalui dengan beramal soleh. Ketahuilah, bahawa setiap amal soleh yang kita kerjakan semasa hidup akan mendatangkan hasil di akhirat kelak.

Adapun antara cara atau usaha untuk meraih kebahagiaan di akhirat kelak ialah dengan memperbanyakkan amal jariah. Amal jariah adalah amalan yang pahalanya akan terus-menerus mengalir hingga hari kiamat, walaupun orang yang melakukan amalan tersebut sudah meninggal dunia. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

Maksudnya : "Jika seseorang meninggal dunia, maka terputuslah amalnya kecuali tiga hal, iaitu sedekah jariah, ilmu yang bermanfaat dan anak soleh yang mendoakan kedua orang tuanya". (Hadis Riwayat Imam Muslim)

ICOPP 2024 KONGSI KEPENTINGAN PSIKOLOGI, AMALAN PEDAGOGI



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Persidangan Antarabangsa Psikologi dan Pedagogi (ICoPP) 2024.

sebagai wadah bagi para peserta memperoleh pengetahuan terkini dalam bidang psikologi dan pedagogi, termasuk teori, kajian, dan amalan terbaik.

Ini juga bermaksud, dengan adanya perkongsian pengalaman dan kepakaran dalam kalangan pakar, maka ia merupakan peluang bagi warga pendidik dan pengamal dalam memahami lebih mendalam kepentingan psikologi khususnya psikologi Islam sebagai asas amalan pedagogi berkesan; meningkatkan kesedaran tentang isu-isu terkini dan cabaran dalam pendidikan dan psikologi, serta menggalakkan dialog dan penyelesaian bagi menangani isu-isu tersebut; menyokong dan menggalakkan inovasi dalam pendekatan pedagogi dan intervensi psikologi untuk meningkatkan hasil pembelajaran dan kesejahteraan pelajar.

Pembentangan ucaptama disampaikan oleh Dr. Goolam Hussein Rassool daripada Centre of Islamic Studies and Civilisation,

Charles Stuart University Australia, bertajuk 'Integrating Islamic Psychology into Modern Educational Practices'.

Pembentangan menjelaskan bahawa pengintegrasian psikologi Islam ke dalam amalan pendidikan moden, dengan menumpukan kepada penyelarasian antara ilmu Islam klasik dan kaedad pengajaran kontemporari. Jelas beliau, berakar umbi dalam gerakan Islamisasi Ilmu sejak penghujung Abad Ke-20, integrasi ini bertujuan untuk menggabungkan norma etika dan epistemologi psikologi Islam ke dalam kurikulum sedia ada. Pendekatan ini tidak hanya merangkumi perkembangan intelektual tetapi juga pembangunan spiritual dan moral, dengan tujuan untuk mencapai pengalaman pendidikan yang menyeluruh.

Sementara itu, pembentangan ucaptama pertama, Penolong Kanan Profesor dari Institut Pendidikan Sultan Hassanal Bolkiah, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Hajah Salwa binti Dato Seri Setia Haji Mahalle dalam membincangkan tajuk 'Empowering Well Being: Harmonising Holistic Psychology and Pedagogy', manakala Profesor Madya Dr. Mohd Noor bin Saper daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia, selaku pembentang ucaptama

kedua membentangkan mengenai 'The Need for Islamic Guidance and Counselling in Addressing Various Social Issues'.

Persidangan diteruskan pada sebelah petang dengan pembentangan ucaptama ketiga iaitu daripada Dr. Alizi Alias, Consultant Organizational Psychologist, Malaysia bertajuk 'Psychology and Islam: Islamisation, Relevanthisation and Integration'

Pembentangan ucaptama keempat pula ialah Profesor Dr. Adi Atmoko daripada Universitas Negeri Malang, Indonesia membincangkan mengenai pembelajaran berbasis Musyawarah: Merajut keragaman untuk mencapai keharmonian dan karakter murid.

Bengkel Psikologi dan Pedagogi 2024 turut diadakan pada Khamis, 5 September 2024 yang disertai oleh kira-kira 125 orang peserta. Dalam bengkel berkenaan, peserta membincangkan mengenai beberapa tajuk modul bersama dengan fasilitator pembentang persidangan termasuk 'The role of Psychology in religious Education', 'Bimbingan dan Kaunseling: pendekatan Tazkiyah An-Nafs : Model dan Pelaksanaan', Integrasi elemen psikologi di dalam silibus Pendidikan Islam, Modul ajar Pendidikan Ugama Islam dan Budi Pekerti dan Guru Yang Dirindui.

Siaran Akhbar : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan

Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 September. - Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Fakulti Pendidikan dan Sains Kemasyarakatan dengan kerjasama Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) menganjurkan Persidangan Antarabangsa Psikologi dan Pedagogi (ICoPP) 2024 hari ini, bertempat di Dewan Tarbiah, kolej berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Setiausaha Tetap KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim.

Dengan tema 'Pedagogi Berkesan Berteraskan Psikologi

Holistik', satu kertas perdana dan empat kertas kerja dibentangkan dalam Persidangan berkenaan.

Persidangan dihadiri oleh seramai 350 peserta dalam kalangan guru-guru pendidikan Islam, JPI, ahli akademik dan pelajar KUPU SB, pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan, Kementerian Kesihatan, Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC), persendirian dan peserta luar negara.

Dalam ucapan alu-aluan pengurus bersama persidangan, Profesor Madya Dr. Shahril bin Ahmad Razimi menjelaskan bahawa antara objektif pengajuran persidangan ICoPP 2024 adalah



سوروهنجای قرخمنت عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

IKLAN JAWATAN KOSONG PERKHIDMATAN AWAM

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI KEKOSONGAN JAWATAN, SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAH TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BOLEH DILAYARI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN

PERINGATAN PENTING

1. Teliti Skim Iklan sebelum memohon.



1 Lengkappkan Profil PSCR 2.0 (WWW.RECRUITMENT.GOV.BN)

2 Lengkappkan Kelulusan (keputusan / pangkat serta subjek / bidang kelulusan)

3 Muat naik dokumen kelulusan yang lengkap (MKU) yang berkenaan

4 Tandahan "✓" pada kotak semak "Jawatan Sekarang" di dalam ruangan "Pengalaman Kerja Kerajaan"

5 Lengkappkan Maklumat (jurus / pekerjaan / Peperiksaan / Pengalaman Kerja Kerajaan / kelayakan profesional dan lain-lain yang diperlukan di dalam skim iklan)

Profil yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat kelayakan akan ditolak.

+673 7371961

PSC.BN

query@spa.gov.bn

Talian WhatsApp
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

PSC.BN

Jawatan, Tangga Gaji dan Bilangan Iklan	Jabatan dan Kementerian	Kekosongan	Jenis Iklan	Tarikh Tutup Permohonan
1. GURU TINGKAT I PG.2 (BAHAGIAN 3) 2024/AUG/02/KPDK	JABATAN SEKOLAH-SEKOLAH, KEMENTERIAN PENDIDIKAN	11	38(B)	09 SEPTEMBER 2024
2. PENOLONG PEGAWAI UGAMA C.3-4 EB.5 (BAHAGIAN III) 2024/AUG/02/KHEU	JABATAN PENTADBIRAN, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA	01	7(A)	09 SEPTEMBER 2024
3. TIMBALAN PEGAWAI REKOD PERUBATAN D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV) 2024/AUG/01/KKS	KEMENTERIAN KESIHATAN	02	7(A)	09 SEPTEMBER 2024
4. PEGAWAI PENYELIDIK B.2 EB.3 (BAHAGIAN II) 2024/JUL/03/KPTH	JABATANARAH DASAR: PERTAHANAN, KEMENTERIAN PERTAHANAN	01	7(A)	11 SEPTEMBER 2024
5. PENOLONG KONSULAR C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2024/AUG/01/KHLN	KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI	01	7(A)	11 SEPTEMBER 2024
6. PEGAWAI PERTANIAN KANAN B.3 (BAHAGIAN II) 2024/AUG/02/KSSUP	JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN, KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN	01	38(B)	11 SEPTEMBER 2024
7. PENOLONG JURUAUDIT AGUNG KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2024/AUG/01/JPM	JABATAN AUDIT, JABATAN PERDANA MENTERI	01	38(A)	14 SEPTEMBER 2024
8. TIMBALAN PENGURUSI LEMBAGA BANDARAN KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I) 2024/AUG/03/KHDN	JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI	01	38(A)	16 SEPTEMBER 2024

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIKLANKAN DI BAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHIDI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



JABATAN BANDARAN
KUALA BELAIT DAN SERIA
KEMENTERIAN HAL EHWA
DALAM NEGERI

Bilangan Tawaran:
38 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membersih 'Kitchen Chute' Gerai Makan Umum No.5 Hingga No.8 Di Bangunan Gerai Bunga Simpur Kuala Belait, Jalan Bunga Simpur Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori S02)

Bilangan Tawaran:
39 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Sebut Harga Bagi Repair Works

To Public Toilet At Bus And Taxi Terminal, Jalan Bunga Kemantin Seria

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori S02)

Bilangan Tawaran:
40 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Gerai Makan Umum No.3, 4 dan 7 Di Bangunan Pasar Lama Kuala Belait, Jalan Mckerron Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori S02)

Bilangan Tawaran:
41 / BBS / SH / BKA / 2024 – 2025

Keterangan Projek:
Sebut Harga Bagi Kerja-Kerja Membaiki Kerosakan Tandas Pada Bangunan Dewan Persidangan Kuala Belait, Jalan



KEMENTERIAN KESIHATAN

Pembetulan Yuran Tawaran

Bilangan Tawaran : KK / 179 / 2024 / UPP (TC)

Keterangan :
Supply And Delivery Of Medical Consumables For Urology Unit (Operating Theatre), Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Two (2) Years

Yuran Tawaran :
BND500.00

Tarikh Tutup :
24 September 2024
Tidak Lewat
Jam 2.00 Petang



Lanjutan Tarikh Tutup Iklan

Kelas :
V & VI sahaja

Kategori :
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :
28 Ogos 2024

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
8 Oktober 2024,
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 15 Oktober 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 16 / 2024

Nama Projek:
Menaitkaraf Sistem Saliran Jalan Raya (Tanah Ke Konkrit)

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Mckerron Kuala Belait

Dibukakan kepada pemborong-pemborong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam (Kelas I dan II Kategori S02)

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup :
Selasa, 10 September 2024
Jam 2.00 Petang



KEMENTERIAN HAL
EHWAL UGAMA

Bahagian Teknologi Maklumat Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam

Bil. Sebut Harga:
32 / KHEU / BTM / 2 /

RFQ / 2024

The Supply And Delivery Of A3 And A4 Colour Multifunction Printers For Various Departments Under The Ministry Of Religious Affairs

Tarikh Tutup Sebut Harga:

Rabu,
2 Oktober 2024
Jam 2.00 Petang

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 18 / 2024



Makluman Iklan Lanjutan

DibukaKan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam

Kelas :
V & VI sahaja

Kategori :
KA01

Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :
Tidak lewat Selasa,
17 September 2024,
Jam 3.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa,
24 September 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Bilangan Tawaran:
JKR / DOR / SRM 18 / 2024

Nama Projek:
Pemasangan dan Pemeliharaan Perabot Keselamatan Jalan Raya, Negara Brunei Darussalam

Yuran Tawaran :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)



Bilangan Tawaran:
DCA / AFS / 2024-2025 / SH-09

Nama Tawaran:
To Supply And Install New Fire Hydrants At Department Of Civil Aviation Areas, Brunei International Airport

Bilangan Tawaran:
DCA / AFS / 2024-2025 / SH-11

Nama Tawaran:
To Supply And Install New Hose Reel Water Line 160MM Piping At Brunei International Airport

Bilangan Tawaran:
DCA / AFS / 2024-2025 / SH-12

Nama Tawaran:
Supply Of Hose Lay Flat Type 3 and Equipments To Department Of Civil Aviation

Yuran Tawaran:
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu
11 September 2024
Jam 2.00 Petang

(tidak lewat jam 2.00 Petang)





Bilangan Tawaran:
DCA / AFS / 2024-2025 / SH-13

Nama Tawaran:
Pembekalan Pakaian Seragam Biru Untuk Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang Jabatan Penerangan Awam

Bilangan Tawaran:
DCA / AFS / 2024-2025 / SH-14

Nama Tawaran:
Pembekalan Pakaian Seragam Hitam Untuk Perkhidmatan Bomba Lapangan Terbang Jabatan Penerangan Awam

Tarikh Tutup:
Rabu,
11 September 2024
Jam 2.00 Petang

Yuran Tawaran:
BND5.00
(Tidak dikembalikan)



Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 45 / UPA / 04

Tajuk Sebut Harga:
Tawaran Pengurusan dan Pengendalian Trak Makanan 'Food Truck' di kawasan Bandar Seri Begawan

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis,
19 September 2024,
Jam 2.00
Petang.



Bilangan Sebut Harga:
IKAN / 78(Q) / 0015 / 2024 (R)

Tajuk Sebut Harga:
Provision Of Building Safety Materials And Accessories For All Building Of The Department Of Fisheries In The Period Of Twelve (12) Months

Tarikh Tutup :
Khamis,
19 September 2024



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
JBT / S / 10 / 2024 - 2025

Tajuk Tawaran:
To Transport Vechicle
To Jabatan Kerja Raya
Sinarubai,
Bandar Seri Begawan

Dibukakan kepada pemberong-pemberong yang berdaftar dengan Kementerian Pembangunan Negara Brunei Darussalam

Tajuk Tawaran:
BND2.00
Tidak dikembalikan

Tarikh Tutup Tawaran:
Rabu,
18 September 2024
Jam 2.00
Petang



Bilangan Rujukan:
JBBSB / LTK / 2024-2025 / 01 / UPA

Tajuk Sebut Harga:
Request For Proposal Bagi Pengurusan dan Pengendalian Tapak Letak Kereta Jalan Bendahara dan Acara Sepanjang Tahun Di Kawasan Pusat Bandar Seri Begawan Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

Hari, Tarikh dan Jam Tutup:
Selasa,
17 September 2024,
Jam 2.00
Petang.



Bilangan Tawaran:
JPB / 3 / 2024

Keterangan :
Membekalkan 2 (Dua) Buah Kenderaan Van

Bilangan Tawaran:
JPB / 4 / 2024

Keterangan :
Membekalkan 1 (Satu) Buah Kenderaan Bas

Yuran Tawaran:
BND10.00

Tarikh Tutup dan Waktu:
Selasa,
24 September 2024
Tidak lewat
jam 2.00
Petang



CALL FOR EXPRESSION OF INTEREST

Tawaran Bagi Menjalankan Perusahaan Ternakan Ikan Dalam Sangkar Di Tapak Ternakan Ikan Dalam Sangkar Sungai Bunga, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup :
Khamis,
3 Oktober 2024
Jam 2.00 Petang



Bilangan dan Tajuk Tawaran:
The Provision Of Six (6) Months Airport Networking System Maintenance And Support Services Contract For Terminal Building At Brunei International Airport TERMINAL / 2024 – 2025 / SH-03

**Tarikh Mengambil Dokumen
Sebut Harga :**
Rabu,
4 September 2024

**Tarikh Terakhir Mengambil
Dokumen Sebut Harga:**
Selasa,
17 September 2024

Tarikh Tutup Sebut Harga:
Rabu,
18 September 2024
tidak lewat jam 2.00 Petang

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Penerangan Awam Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi Bandar Seri Begawan BB2513 Negara Brunei Darussalam



Tajuk Tawaran:
1. Membekal dan Menghantar Perkakas Perlindungan Bagi Pegawai dan Anggota Bomba (MIREC) (RUJ: JBP / TSH / 26 / 2024 - 2025)

2. Kerja-Kerja Pembersihan Unit-Unit Kosong Di Flat Perumahan Balai Bomba Bandar Seri Begawan (RUJ: JBP / TSH / 27 / 2024 - 2025)

3. Term Contract For Pest Control Services At Fire And Rescue Headquarters, Multi Purpose Hall And Stor Am Building For The Period Of 24 Months (RUJ: JBP / TSH / 28 / 2024 - 2025)

4. Membekal dan Menghantar Fire Hose (RUJ: JBP / TSH / 29 / 2024 - 2025)

5. Membekal dan Menghantar Foldable Water Tank (RUJ: JBP / TSH / 30 / 2024 - 2025)

6. General Overhaul MITSUBISHI L200 BG9597 (RUJ: JBP / TSH / 31 / 2024 - 2025)

7. Repair Of Gearbox Synchronizer MITSUBISHI CANTER BG6701 (RUJ: JBP / TSH / 32 / 2024 - 2025)

8. General Overhaul NISSAN URVAN BG3097 (RUJ: JBP / TSH / 33 / 2024 - 2025)

9. General Overhaul NISSAN URVAN BG3096 (RUJ: JBP / TSH / 34 / 2024 - 2025)

10. General Overhaul MITSUBISHI PAJERO BG3063 (RUJ: JBP / TSH / 35 / 2024 - 2025)

Tarikh Tutup / Jam:
Khamis,
19 September 2024
Jam 1.50 Petang

Yuran Tawaran:
BND5.00



KONGSI PERKEMBANGAN TERKINI, PERANCANGAN MASA HADAPAN MTIC



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi



SESI Dialog bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ke Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) diadakan di Bilik Mesyuarat Al-Mahabbah, Bangunan MTIC (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 September. - Sesi Dialog bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) ke Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) diadakan pada pagi tadi, bertempat di Bilik Mesyuarat

Al-Mahabbah, Bangunan MTIC.

Mengalau-alukan keberangkatan dan kehadiran rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN ke Sesi Dialog berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap, MTIC, Awang Haji Hairul Mohd. Daud bin Haji Abdul Karim.

Sesi berkenaan didahului dengan bacaan Surah Al-Fatiha dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Haji Mohammad Ashraf bin Haji Bujang, diikuti dengan ucapan aluan yang disampaikan oleh Awang Haji Hairul Mohd. Daud yang antara lainnya menyentuh mengenai Sektor Pengangkutan dengan memfokuskan kepada keselamatan dan sekuriti, kecemerlangan perkhidmatan dan juga pertumbuhan yang mampan.

Seterusnya disusuli dengan taklimat mengenai fungsi dan peranan Bahagian Dasar Pengangkutan dan juga Bahagian

Keselamatan Pengangkutan di bawah MTIC yang juga berhubung kait dengan perkembangan terkini dan perancangan masa hadapan.

Pada masa yang sama, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN juga berkesempatan bertukar-tukar pandangan dan berkongsi pengalaman bagi merancang langkah-langkah ke hadapan ke arah mencapai kemajuan Sektor Pengangkutan di negara ini.

Turut hadir dalam Sesi Dialog berkenaan ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pengangkutan), MTIC, Awang Ridzuan bin Haji Ahmad; ketua-ketua jabatan, Ketua Eksekutif Pihak Berkusa Maritim dan Pelabuhan Brunei Darussalam (MPABD), pegawai-pegawai kanan dan pegawai-pegawai MTIC, jabatan-jabatan dan pihak berkuasa di bawahnya.



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Dikir sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Masjid Kampung Pelambayan.

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

KOTA BATU, Jumaat, 6 September. - Kementerian Pendidikan lewat petang tadi mengadakan Majlis Dikir sempena Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bertempat di Masjid Kampung Pelambayan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Majlis didahului dengan penyerahan sumbangan wakaf pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis kepada Ketua Imam Masjid Kampung Pelambayan, Awang Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Puteh dan diikuti dengan menuaikan Sembahyang Fardu Maghrib Berjemaah.

Acara kemudian diteruskan dengan bacaan Surah Al-Fatiha yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis sebagai permulaan bagi bacaan Dikir Khairuman.

Sejurus selepas menuaikan Sembahyang Fardu Isyak Berjemaah, majlis diteruskan dengan bacaan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan Doa Dikir serta Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang diketuai oleh Ketua Imam Masjid Kampung

Pelambayan.

Majlis seumpamanya merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan untuk memeriahkan lagi suasana Sambutan Maulidur Rasul dengan berselawat dan memuji ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi menunjukkan rasa kasih sayang dan kesyukuran atas jasa-jasa Baginda.

Di samping itu, ia juga bertujuan untuk sama-sama menyemarakkan lagi sambutan Hari-hari Kebesaran Islam, selain dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim diantara pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan dengan jemaah masjid.

Turut menghadiri majlis tersebut ialah Naib Canselor Universiti Brunei Darussalam, Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan serta Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Pelambayan.

Majlis Dikir sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam Kementerian Pendidikan bagi tahun ini dikendalikan bersama oleh Institut Pendidikan Teknikal Brunei dan Jabatan Pengurusan Pendidik.



شيھق بركواس ماریتیم دان قلابوھن برۇنىي دارالسلام
MARITIME AND PORT AUTHORITY OF BRUNEI DARUSSALAM

Employment opportunities at the
Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD)

Maritime and Port Authority of Brunei Darussalam (MPABD) is a statutory body established on 28 September 2017 by the Government of His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam to exercise regulatory functions in respect of merchant shipping; and particularly in respect of safety and prevention of pollution at sea; as well as to exercise licensing and regulatory functions in respect of marine and ports services and facilities.

MPABD is seeking suitably qualified applicants for the following positions:

1. Assistant Chief Executive, Strategic Maritime Interest Department
2. Head of Finance Operation, Finance and Accounting Department
3. Head of Procurement, Finance and Accounting Department
4. Head of HR Administration & Operation, Human Resources Department
5. Head of Organization Effectiveness, Human Resources Department
6. Operation Assistant, Ship Registration & Seafarers Affairs Section, Marine Department
7. Corporate Assistant, Health, Safety, Security & Environment (HSSE) Division, Ports Department
8. Corporate / Operation Assistant, Port Clearance Section, Port Services Division, Ports Department

GENERAL REQUIREMENTS:

- a. Have strong strategic and planning skills to lead the Authority to realize its goals and visions;
- b. Possess excellent communications and interpersonal skills to motivate and direct employees;
- c. Must be proficient in English and Malay language;
- d. Skilled in Information Technology (IT); and
- e. Other terms and conditions governed by regulations that take effect from time to time.

To apply, interested applicants may visit the website: www.mpabd.gov.bn under Career Opportunities.

Interested applicants may download the application form at the website and submit it to recruitment@mpabd.gov.bn no later than Monday, 16th September 2024.

Please state your email subject as MPA/(name of applied position(s)/24-25

Interested applicants are required to submit the following:

- MPABD Job Application Form;
- Curriculum Vitae with covering letter;
- Copy of identification card;
- Recent passport size photo; and
- Copy of relevant academic certificates.

Only shortlisted candidates will be notified.

38 PENERIMA BIASISWA KERAJAAN TANDATANGANI PERJANJIAN

Oleh : Aimi Sani
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan penandatanganan perjanjian berkenaan (atas), manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 September. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa telah mengadakan Majlis Menandatangani Perjanjian Dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi 38 penerima Biasiswa Kerajaan Ke Luar Negeri bagi Peringkat Ijazah Sarjana Muda Sesi Akademik 2024 / 2025 bertempat di Dewan Banquet, Majlis Mesyuarat Negara, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyaksikan penandatanganan perjanjian ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi) Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad.

Menandatangani bagi pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia ialah Pemangku Pengarah Pengurusan Biasiswa, Kementerian

Dayang Rosimah Sumaimah binti Haji Matassim. Manakala para penerima menandatangani perjanjian tersebut ditemani oleh dua orang penjamin.



HLEP : Melengkapkan peserta dengan kepimpinan, pengurusan landskap penjagaan kesihatan

Oleh : Srinarawie Bidzhah
Foto : Mohammad Hatral Hazmi
Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 Sepetember. - Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Penutup Program Eksekutif Kepimpinan Penjagaan Kesihatan (Healthcare Leadership Executive Programme - HLEP) hari ini bertempat di Bilik Serbaguna, Dewan An-Naura, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Bandar Seri Begawan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiha, diikuti dengan ucapan penutup daripada tetamu kehormat majlis.

Awang Haji Maswadi dalam ucapan menjelaskan, sepanjang program berkenaan dijalankan, setiap peserta telah mendalami asas kepimpinan dan pengurusan penjagaan kesihatan, dengan setiap sesi adalah seperti blok pembinaan, mengurus dasar, garis panduan, amalan terbaik, sosial dan budaya menjadi blok yang perlu diuruskan setiap hari.

Tambahnya, penyertaan aktif dan perkongsian idea telah memperkayakan proses pembelajaran dengan ketara dalam manajemen cabaran mendesak dan meneroka penyelesaian inovatif.

"Dedikasi dan semangat yang awda tunjukkan semasa sesi latihan adalah luar biasa. Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah membayangkan bahawa latihan seperti ini adalah cerminan dan proses dalam mewujudkan pemimpin berwawasan dalam sektor penjagaan kesihatan, sama ada di sektor kerajaan atau sektor swasta.

"Apabila awda merenung kembali sesi perbincangan kumpulan dan pandangan yang diperoleh adalah jelas bahawa inti pati pemimpin dalam penjagaan kesihatan bukan sahaja mengenai pengurusan sistem dan proses tetapi juga tentang memimpin dengan visi, empati dan daya tahan," katanya.

Awang Haji Maswadi seterusnya berkata, satu lagi cabaran penting ialah memastikan amalan kepimpinan selaras dengan keperluan untuk penjagaan



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Program Eksekutif Kepimpinan Penjagaan Kesihatan (Healthcare Leadership Executive Programme - HLEP) (atas dan bawah kanan).

yang penuh kasih sayang dan berpusatkan pesakit.

Tambahnya, mengimbangi kecekapan operasi dengan empati dan kepuasan pesakit bukanlah sesuatu tugas yang mudah, kerana ia memerlukan pendekatan pengurusan dan pemahaman mendalam tentang dinamik klinikal dan pentadbiran.

"Saya berharap pengetahuan dan kemahiran yang awda peroleh berkenaan akan menjadi alat yang akan membantu awda menavigasi landskap penjagaan kesihatan yang sentiasa berkembang."

"Kesan sebenar kepimpinan awda akan diukur bukan sahaja melalui inovasi yang awda laksanakan atau cabaran yang awda atasi, tetapi juga dengan kehidupan yang awda sentuh dan komuniti yang awda angkat," ujarnya lagi.

Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian sijil kepada para peserta, diikuti bacaan Doa Selamat dan diakhiri dengan sesi bergambar ramai.

HLEP merupakan inisiatif kerjasama antara Kementerian Kesihatan, Negara Brunei Darussalam; dan Singapore Health Service Private Limited (SingHealth), Singapura.

Program kepimpinan berstruktur berkenaan mengintegrasikan komponen pengurusan dan kepimpinan, yang direka khusus untuk industri penjagaan kesihatan. Selain itu, ia bertujuan untuk melengkapkan bakal pemimpin dengan pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengambil alih peranan kepimpinan, serta meningkatkan pemahaman peserta tentang fungsi pentadbiran dan pengurusan dalam organisasi penjagaan kesihatan.

Program berkenaan juga berhasrat untuk menyediakan kumpulan bakat Kementerian Kesihatan dengan kemahiran dan pengetahuan yang sesuai untuk memikul tanggungjawab kepimpinan dan memperkuatkan keupayaan mereka dalam meneraju inisiatif pembangunan penjagaan kesihatan strategik.

Program berkenaan dibahagikan kepada dua fasa sesi latihan, iaitu fasa pertama, yang dijalankan pada Mei 2024, melibatkan beberapa siri bengkel dan aktiviti yang melibatkan peserta dalam konsep asas kepimpinan dan pengurusan asas.

Manakala, fasa kedua, yang bermula pada Ogos 2024, memberi tumpuan lebih mendalam kepada



topik pengurusan penjagaan kesihatan dan aplikasi praktikal pengetahuan dan kemahiran melalui siri projek berkumpulan.

Program berkenaan telah dihadiri seramai 49 peserta terdiri daripada ketua jabatan, ketua pegawai eksekutif dan penguasa perubatan dari Kementerian Kesihatan, serta peserta daripada sektor penjagaan kesihatan swasta, iaitu Pusat Perubatan Jerudong Park (Jerudong Park Medical Center-JPMC) dan Pusat Pakar Pantai Jerudong (Pantai Jerudong Specialist Center-PJSC).

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Profesional), Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Md. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan.

Bekal Ke Alam Yang Kekal

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 6 September 2024M/2 Rabiulawal 1446H

Antara cara/usaha untuk meraih kebahagiaan di Akhirat kelak ialah dengan:

Memperbanyakkan amal jariah.

Amalan yang pahalanya akan terus menerus mengalir hingga Hari Kiamat, walaupun orang yang melakukan amalan tersebut sudah meninggal dunia

Di dalam Hadith Riwayat Imam Ibnu Majah, ada disebutkan tujuh jenis amalan tergolong sebagai amal jariah:



Ilmu yang disebarluaskan



Anak salih yang ditinggalkan



Kitab-kitab agama yang diwariskan



Masjid yang dibina



Rumah yang dibina untuk penginapan orang yang sedang dalam perjalanan



Sungai yang dialirkan untuk kepentingan orang ramai



Harta yang disedekahkannya

PUPUK KERJASAMA BIMP-EAGA DALAM MENGUKUHKAN KESELAMATAN TENAGA SERANTAU

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 September. - Sebagai salah satu kluster utama dalam mencapai visi Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina (Brunei Darussalam, Indonesia, Malaysia and the Philippines East ASEAN Growth Area-BIMP-EAGA), Kluster Infrastruktur Tenaga dan Kuasa Elektrik (Power and Energy Infrastructure Cluster-PEIC) terus menyumbang terutamanya dalam pertumbuhan ekonomi sub-wilayah BIMP-EAGA melalui penyediaan akses yang boleh dipercayai kepada sumber tenaga yang mampar.

Perkara berkenaan antara yang dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Perkhidmatan Elektrik, Awang Ahmad Ridza bin Dato Seri Setia Haji Abdul Rahman semasa Mesyuarat BIMP-EAGA bagi PEIC Ke-11 bertempat di The Radisson Hotel, di sini.

"Saya memuji setiap usaha yang dilakukan oleh PEIC sepanjang tahun dalam menyokong visi dan aspirasi BIMP-EAGA melalui perkongsian dan pertukaran maklumat mengenai projek pembangunan tenaga setiap negara, bukan sahaja tertumpu kepada akses sumber tenaga yang boleh dipercayai untuk penduduk setiap negara, tetapi juga semangat untuk saling menyokong satu sama melalui inisiatif sambungan tenaga, sekali gus menggalakkan perdagangan dan pelaburan serta ke arah aktiviti ekonomi yang dinamik," ujarnya lagi.

Sokongan berterusan tambahnya, daripada kerajaan setiap negara BIMP adalah amat penting dan sangat diharapkan untuk menentukan dan merealisasikan pelaksanaan sambungan tenaga antara negara,

sebagai contoh.

Beliau seterusnya menyarankan agar mereka terus bekerjasama untuk merealisasikan visi BIMP dalam menghubungkan melalui tenaga demi manfaat komuniti dalam negara BIMP.

Mesyuarat BIMP-EAGA bagi PEIC Ke-11 berlangsung selama tiga hari bermula hari ini hingga 5 September 2024 dan dihadiri oleh lebih 40 delegasi dari Negara-negara Anggota BIMP-EAGA.

Mesyuarat berkenaan dipengerusikan oleh Pengarah Pembinaan Program Ketenagalistrikan, Kementerian Tenaga dan Sumber Mineral dari Republik Indonesia, Ir. Wanhar; dan dianjurkan oleh Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM), Negara Brunei Darussalam selaku tuan rumah.

Turut hadir, Ketua Bahagian Peralihan Tenaga di Jabatan Tenaga di JPM, Dayang Shirley Sikun, selaku tuan rumah bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Tenaga di JPM, JPE, Pusat Tenaga ASEAN (ASEAN Centre for Energy-ACE) dan pegawai-pegawai dari Negara-negara Anggota BIMP-EAGA.

BIMP-EAGA ditubuhkan pada 1994 sebagai inisiatif kerjasama sub-serantau untuk menangani dan mempercepatkan pembangunan sosioekonomi dalam kalangan empat negara anggota.

Dikategorikan di bawah tonggak kesalinghubungan BIMP-EAGA, hasil dan mesyuarat BIMP-EAGA PEIC akan dilaporkan dalam Mesyuarat Pegawai Kanan BIMP-EAGA Ke-32 yang dijadualkan bersidang pada 14 hingga 17 Oktober 2024, di Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia.

Antara tujuan mesyuarat



MESYUARAT BIMP-EAGA bagi PEIC Ke-11 yang diadakan di The Radisson Hotel.

berkenaan diadakan ialah untuk memupuk kerjasama dalam kalangan negara-negara anggotanya dalam usaha bersama bagi mengukuhkan keselamatan tenaga serantau melalui penyambungan rangkaian tenaga elektrik (*power interconnection*) untuk menggalakkan pembangunan projek bersama yang akan memberi impak kepada pembangunan sumber manusia, penyelidikan dan pembangunan dan meningkatkan kualiti dan kebolehpercayaan sistem bekalan tenaga elektrik.

Beberapa mesyuarat samping turut diadakan termasuk Mesyuarat BIMP ASEAN Power Grid Advancement Programme (APG-AP) Consultations yang diadakan dengan kolaborasi UNESCAP pada 3 September 2024.

ia diikuti dengan Bengkel The 2nd RECAP (Renewable Energy

Certificate) Regional Meeting: BIMP Country Market Assessment and the Foundation for a Collaborative REC Framework yang dikendalikan oleh pakar-pakar teknikal dari ACE pada 4 September 2024 sebagai salah satu komitmen berterusan untuk menyokong perdagangan kuasa pelbagai hala bagi rantau BIMP-EAGA dan ASEAN.

Semasa bengkel berkenaan, para peserta juga telah berkongsi pandangan mengenai dengan amalan terbaik bagi negara-negara ahli dan maklumat kemajuan projek yang sedang dijalankan.

Manakala Mesyuarat BIMP-EAGA PEIC telah membincangkan perkembangan terkini projek-projek BIMP-EAGA PEIC yang berjalan bagi tahun 2023 hingga 2025.

ia memberi tumpuan kepada

empat keutamaan strategik, iaitu Keutamaan Strategik 1 : Membangunkan pendekatan untuk meningkatkan penglibatan kerajaan tempatan, utiliti tenaga elektrik dan sektor swasta; Keutamaan Strategik 2 : Menyediakan persekitaran yang kondusif untuk menggalakkan pelaburan berkaitan tenaga oleh pihak kerajaan; Keutamaan Strategik 3 : Meningkatkan kerjasama dan mengukuhkan pelaksanaan pembangunan tenaga boleh diperbaharui dan meningkatkan akses tenaga di kawasan luar bandar; dan Keutamaan Strategik 4 : Menggalakkan kecekapan dan pemuliharaan tenaga.

Para peserta juga berkongsi amalan terbaik dan pengajaran masing-masing yang juga dikongsikan di peringkat sub-serantau.

Awang Haji Brahim, Dayang Hajah Amidah johan Pertandingan Membaca Al-Quran



PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang (kiri dan bawah kiri).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Hal Ehwal Masjid

2024M.

Manakala naib johan bagi peserta lelaki ialah Awang Haji Imran bin Haji Ibrahim, sementara Dayang Hajah Khairul Aini binti Dato Paduka Haji Abdul Wahab pula bagi peserta perempuan.

Tempat ketiga bagi peserta lelaki dan peserta perempuan masing-masing milik Awang Haji Gapor bin Ahad dan Dayang Hajah Ramlah binti Haji Abd. Rahman

Pertandingan berkenaan dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM) melalui Bahagian Imarah dan Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Pandan, Daerah Belait dan diadakan di masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang, Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Antara tujuan pertandingan berkenaan diadakan adalah untuk menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-78 Tahun 1446H /

untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Negara Zikir dan rakyatnya celik Al-Quran.

Di samping untuk meraih keberkatan dan syafaat Al-Quran dengan menanamkan budaya suka membaca Al-Quran dalam kalangan warga emas, acara berkenaan juga dihasrat untuk meningkatkan semangat para warga emas agar lebih mencintai dan mendalami ilmu Al-Quran khususnya ilmu bacaan secara murattal dan ilmu tajwid.

Pada masa yang sama, pertandingan seumpama berkenaan juga dapat memberi peluang kepada golongan warga emas untuk mempersebahkan bacaan Al-Quran di khalayak ramai dengan cara yang baik sekali gus mencungkil bakat dan kebolehan mereka dalam pembacaan Al-Quran.

Melalui aktiviti yang berkebajikan berkenaan, pihak pengajar berharap semua objektif pertandingan tersebut dapat dicapai selain untuk menarik lebih ramai masyarakat Islam untuk sama-sama sentiasa memakmurkan masjid.



PROGRAM LITERASI PENERANGAN BELIA DAERAH TUTONG LABUH TIRAI



Siaran Akbar : Jabatan Penerangan
Foto : Azmah Haji Ahad, Ak. Md. Hasnal Ali Saodiqen. Pg. Haji Abu Bakar

PEGAWAI Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar semasa hadir dan menyampaikan sijil kepada peserta belia (kanan dan kiri).



BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 5 September. - Program Literasi Penerangan Belia Daerah Tutong menutup tirainya petang tadi dengan Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil.

Penyampaian sijil kepada 33 peserta belia dari Mukim Telisai, Daerah Tutong disempurnakan oleh Pegawai Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar.

Terdahulu, program telah disusun atur dengan taklimat bertajuk ‘Mengukuh-Mantapkan Akidah Golongan Belia’ dari Pusat Da’wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama yang antara lain menyentuh mengenai dengan Islam dalam konteks Negara Brunei Darussalam dari segi kepercayaan dan pengamalan berdasarkan akidah Ahli Sunnah Waljamaah.

Program juga diteruskan dengan lawatan ke Pusat Bahagia, Pulaie dan para peserta berpeluang mempelajari bahasa isyarat dan aktiviti mobiliti.

Taklimat terakhir ialah mengenai dengan ‘Berita Palsu, Jenayah Siber dan Scammer’ yang dikendalikan oleh Jabatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri.

Program Literasi Penerangan merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan menggunakan pendekatan Whole of Nation and Whole of Government yang antara lain

dihadarkan untuk melahirkan para belia berwawasan, mempunyai jati diri yang kukuh serta memiliki nilai luhur cintakan agama, bangsa dan negara yang tinggi serta memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.



TAKLIMAT mengenai dengan ‘Berita Palsu, Jenayah Siber dan Scammer’ yang dikendalikan oleh Jabatan Jenayah, Pasukan Polis Diraja Brunei, Jabatan Perdana Menteri (atas kiri), manakala gambar kiri, sebahagian peserta belia yang hadir pada program berkenaan.



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 4 September. - Mahkamah Majistret hari ini menjatuhkan hukuman denda terhadap seorang lelaki warganegara Bangladesh atas satu pertuduhan.

Majistret, Abdul ‘Azim bin Othman menjatuhkan hukuman denda terhadap Sobuj Madbar (defendant), 42 tahun, di bawah Seksyen 146(1)(d) Perintah Eksais 2006 kerana memiliki, menyimpan dan menjual barang-barang tegahan kastam, iaitu 50 karton rokok pelbagai jenis.

Mengikut pertuduhan pertama, defendant memiliki 50 karton rokok pelbagai jenis. Defendant dijatuhi hukuman denda mahkamah sebanyak BND50,000 atau 16 bulan pemerjaraan jika gagal menjelaskan denda berkenaan.

Defendant telah ditangkap oleh Bahagian Penguatkuasa Undang-undang, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Cawangan Daerah Brunei dan Muara di rumah pekerja di Kampung Jaya Setia pada 19 Ogos 2024, jam 9.35 malam.

Semua barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan ke pihak kerajaan bagi tujuan dimusnahkan.

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

“buleh pecaya kan tu?”

“mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?”

“ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?”

“iawah? banar kan tawarannya ani?”

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- Dapatkan resit rasmi.
- Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna



TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

- ‘Tingkat Kesedaran Mengenai Kanser Serviks’. Tarikh Tutup : 11 September 2024
- ‘Memperluas Rangkaian Industri Halal’. Tarikh Tutup : 18 September 2024
- ‘Hargai Warga Perkhidmatan Awam’. Tarikh Tutup : 25 September 2024

TERMA DAN SYARAT :

- Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
- Pendapat awda hendaklah ditarap jarak langkah dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.
- Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PROGRAM LITERASI PENERANGAN TEKANKAN PERANAN BELIA BANGUNKAN NEGARA



PEGAWAI Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah hadir pada Majlis Pembukaan Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Tutong.

Siaran Akhbar : Jabatan Penerangan
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

BERAKAS, Rabu, 4 September. - Sebagai salah satu landasan dalam menyampaikan maklumat rasmi dan maksud kerajaan dalam kalangan belia, Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Cawangan Penerangan Daerah Tutong menganjurkan Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Tutong, selama dua hari bermula 4 hingga 5 September

2024.

Program Literasi Penerangan bagi Belia Daerah Tutong kali ini disertai oleh 33 orang peserta yang terdiri daripada belia-belia dari Mukim Telisai, Daerah Tutong.

Pemangku Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris, selaku Pengurus Program dalam ucapannya antara lain

menyentuh, Program Literasi Penerangan ini merupakan salah satu inisiatif Jabatan Penerangan menggunakan pendekatan Whole of Nation and Whole of Government yang antara lain dihasratkan untuk memupuk rasa tanggungjawab ke arah memastikan Wawasan Brunei 2035 tercapai dengan jayanya.

Program ini juga dihasrat akan dapat meningkatkan kesedaran para peserta tentang betapa pentingnya peranan belia dalam membangun negara, memupuk

kerjasama dan perhubungan erat di antara para belia dan peringkat akar umbi serta memahami maksud *inclusivity*; dan memberikan pendedahan kepada golongan belia mengenai Dasar Belia 2020 - 2035.

Sepanjang program dua hari ini, para peserta program didedahkan dengan pelbagai maklumat semasa termasuk memahami konsep keterangkuman (*inclusivity*) melalui pengisian taklimat, aktiviti dan lawatan ke agensi-agensi yang

terpilih.

Para peserta akan diberikan taklimat antaranya mengenai 'Dasar Belia Negara dan Strategi 2020-2025' dari Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan; 'AI Security Risks: What Do You Need To Know' oleh Cyber Security Brunei (CSB); dan 'Kesedaran Kesihatan Mental' dari Pusat Promosi Kesihatan dan melawat ke Pusat Bahagia Pulaie di mana para peserta berpeluang mempelajari bahasa isyarat dan aktiviti mobiliti.

Hadir pada Majlis Pembukaan program tersebut ialah Pegawai Penerangan Kanan, Awang Haji Fathi Foad bin Dato Seri Setia Haji Abu Bakar selaku Ketua Bahagian Cawangan Daerah, bertempat di Auditorium, Bangunan Tambahan, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Turut hadir, Penghulu Mukim Telisai, Awang Haji Haslan bin Haji Shahbudin serta ketua-ketua kampung di bawah mukim berkenaan.

Jabatan Penerangan dalam memantapkan lagi visi 'Membudayakan Masyarakat Bermaklumat' akan sentiasa mempelbagaikan platform pembarigaan maklumat mengenai dasar dan aktiviti kerajaan di samping memberikan peluang untuk Jabatan Penerangan untuk lebih memahami lagi kehendak semasa dalam kalangan belia.

Ular Lidi / Painted Bronzeback Tree Snake

Nama Binatang :
Painted Bronzeback Tree

Nama Tempatan :
Ular Lidi / Ular Meresian (Iban) /
Ular Tambang (Indonesia)

Nama Saintifik :
Dendrelaphis pictus

Maklumat disediakan oleh : Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan

UNTUK Kenali Hidupan Liar Kitani bulan September ini, kita akan menjelajahi dunia menarik spesies Reptilia tempatan kitani, iaitu Ular Lidi atau Painted Bronzeback Snake.

Ular Lidi adalah ular yang bertubuh langsing dengan panjang yang boleh mencapai sehingga 1.5 meter. Tubuhnya ramping dan agak panjang berbanding dengan lebar badannya, menjadikannya mudah dikenali dan nama saintifiknya iaitu *Dendrelaphis pictus*. Warnanya amat menarik, dengan bahagian atas tubuh berwarna gangsa yang bercampur dengan jalur hijau dan bahagian bawahnya berwarna putih kekuningan. Matanya besar dan bulat, memudahkan penglihatan ketika berburu.

Habitat semula jadi Ular Lidi adalah di kawasan hutan tropika, termasuk hutan hujan dan kawasan berhutan sekunder. Ular ini juga boleh ditemui di kawasan yang berhampiran dengan air seperti tepi sungai

Order : Squamata

Kelas Spesies : Reptile

IUCN :

Least concern / Kurang dikhuatir

CITES :

Not listed / Tidak disenaraikan

dan tasik, serta di taman-taman dan kebun-kebun. Ular lidi ini adalah karnivor dan diet utamanya terdiri daripada katak, cicak, burung kecil dan anak-anak tikus. Dengan kepentasannya, ular ini dapat menangkap mangsa dengan mudah.

Ular Lidi membiak dengan bertelur. Betina biasanya akan bertelur antara lima hingga 12 biji telur pada satu masa. Telur-telur ini akan menetas selepas beberapa minggu, dan anak-anak ular akan memulakan hidup berdikari sejurus selepas menetas.

Ular Lidi memainkan peranan penting dalam ekosistem hutan. Ia membantu mengawal populasi haiwan kecil seperti katak dan serangga, yang jika tidak dikawal, boleh merosakkan ekosistem. Antara kelebihan dan ciri-ciri unik Ular Lidi adalah kemampuannya untuk memanjat pokok dengan pantas dan bersembunyi di antara dedaunan untuk memburu mangsa atau mengelakkan diri daripada pemangsa. Ular ini juga terkenal dengan sifatnya yang tidak agresif dan lebih cenderung untuk melarikan diri apabila terganggu.

Menurut status pemeliharaan, Ular Lidi



tidak dikategorikan sebagai spesies yang terancam. Ia tidak disenaraikan dalam Konvensyen Perdagangan Antarabangsa Spesies Terancam (CITES) dan memiliki status 'Least Concern' dalam Senarai Merah Kesatuan Antarabangsa untuk Konservasi Alam Semula Jadi (IUCN). Pengenalan dan pemeliharaan spesies hidupan liar seperti Ular Lidi ini boleh memberikan peluang untuk pembangunan ekopelancongan di Brunei Darussalam. Dengan keunikan flora dan fauna di negara ini, Brunei dapat menarik pelancong dari seluruh dunia yang berminat untuk mempelajari dan mengalami sendiri kepelbagaian biodiversiti yang ada. Ini seterusnya boleh membantu dalam

Sumber Foto : Wong Kiong,
BWPC 2022, JPH

memperkuatkan ekonomi negara melalui sektor pelancongan alam semula jadi yang mampu. Semoga kita semua dapat memahami dan menghargai keunikan serta kepentingan spesies hidupan liar seperti Ular Lidi ini dalam ekosistem kita.

Sila ikuti setiap keluaran bulanan Kenali Hidupan Liar Kitani dan bagi melihat foto-foto spesies hidupan liar *kitani* yang telah dipaparkan dan maklumat lanjut berkenaan spesies tersebut, sila layari dan ikuti akaun Instagram Jabatan Perhutanan : *forestry.brunei*. Lindungi hidupan liar *kitani* untuk memulihara hutan *kitani*.

TERUS BERUSAHA MENDALAMI PEMAHAMAN QIRĀ'AT, AL-QURAN



AWANG Muhammad Faaiiz bin Fisol.

BERAKAS, Khamis, 5 September. - Seramai 20 graduan, iaitu 15 siswa dan lima siswi Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) dianugerahkan Pengurniaan Syahadah (Sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at pada Majlis Haflut Takharruj ITQSSHB Kali Ke-12 bertempat di Pusat Persidangan Antarabangsa, di sini, pagi tadi.

Majlis menyaksikan seramai 11 penerima pangkat Mumtaz (Cemerlang), enam penerima Jayyid Jiddan (Sangat Baik), seorang penerima Jayyid (Baik) dan dua penerima pangkat Maqbul (Lulus).

Dalam temu bual Pelita Brunei bersama salah seorang penerima pangkat Mumtaz, Dayang

Awadah binti Awang Mohamad Ariffin, 21 tahun, dari Rancangan Perumahan Negara Kampung Panchor mengongsikan salah satu pengalaman beliau semasa menjalani penempatan di Pusat Da'wah Islamiyah menjalani tadrib amali ataupun latihan praktikal.

Beliau ditugaskan mengumpulkan hadis untuk dijadikan buku serta menyediakan teks ilmiah dan melalui penempatan berkenaan dapat memberi beliau peluang untuk mendapatkan pengalaman di luar bidang yang diceburi.

Beliau yang merupakan penerima Elaun Tasmie' Kategori 10 Juzuk juga turut mengongsikan mengenai cabaran yang dihadapi ketika menghafaz Al-Quran, iaitu mengekalkan konsistensi dan disiplin, kerana kadang-kadang jadual hafazan yang telah ditetapkan ada kalanya tidak terlaksanakan jika ada gangguan dalam rutin harian.

"Alhamdulillah, kini saya telah menamatkan pengajian Diploma 'Aliyah Qira'at dan sekarang saya sedang melanjutkan Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Shariah Fiqh dan Kehakiman di Universiti Islam Sultan Sharif Ali," ujarnya.

Sementara Awang Muhammad Faaiiz bin Fisol, 20 tahun dari Kampung Mabohai pula menerangkan menghafal Al-Quran boleh menjadi usaha yang memuaskan tetapi mencabar, dan antara cabaran yang dihadapi semasa menghafal Al-Quran adalah mengekalkan jadual yang tetap untuk hafalan, terutama dengan rutin harian dan komitmen yang sibuk.

MENYENTUH mengenai salah satu cabaran yang dihadapi semasa hafazan ialah semasa tahun pertama pengajian beliau, yang ketika itu negara dilanda gelombang kedua COVID-19, yang turut menghalang beliau dan rakan-rakan graduan daripada mengikuti kelas pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka, jadi pengajian terpaksa dilakukan secara maya.

"Ini banyak mengajar saya untuk kekal fokus dan sabar. Walaupun saya menghadapi pelbagai cabaran lebih-lebih lagi dalam proses untuk saya menamatkan hafazan 30 juzuk Al-Quran, Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kini saya gembira dapat mengharungi segala rintangan dan cabaran dengan kejayaan".



DAYANG Nur Qamariah binti Kepli.

DAYANG Awadah binti Awang Mohamad Ariffin.

Selain itu tambahnya, menjaga ayat yang telah dihafal agar tetap segar dalam ingatan memerlukan semakan berkala, kerana tanpa semakan yang konsisten, bahagian yang telah dihafal boleh juga terlupa.

"Selepas menamatkan pengajian diploma saya, saya bercadang untuk meneruskan pendidikan saya di luar negara bagi mendalami pemahaman Qira'at dan Al-Quran. Saya bercadang untuk mendaftar dalam program yang mengkhususkan diri dalam pengajian lanjut tentang bacaan Al-Quran di Maahad Qiraat Shoubra, Mesir," terangnya.

Manakala bagi Dayang Nur Qamariah binti Kepli, 20 tahun, berasal dari Kampung Bakiau, Daerah Tutong pula mengongsikan pengalaman yang paling beliau ingat dan akan kenang sampai bila-bila adalah para pensyarah yang tulus ikhlas mencerahkan ilmu kepada beliau sehingga dia mampu untuk berkongsi ilmu itu kepada rakan-rakan lebih muda.

Beliau juga turut memberitahu antara cabaran yang paling sukar yang pernah beliau hadapi ialah



ketika waktu peperiksaan apabila beliau perlu konsisten menjaga dan seimbangkan di antara hafazan Al-Quran dan juga subjek-subjek yang lain.

"Ibu bapa saya

adalah tulang belakang saya sepanjang saya berada di dalam pengajian ini, di kala saya berasa tidak mampu untuk melakukannya, ayah saya sentiasa berkata bahawa ilmu itu milik Allah dan yakinlah Allah itu yang akan memudahkan segalanya lagi-lagi kepada mereka yang menjaga kalam Allah yang agung ini, dan Alhamdulillah pencapaian saya ini berkat doa dan sokongan ibu bapa dan juga keluarga saya," katanya.

Sementara itu, Awang Muhammad Nursolihin Mirza bin Haji Awang Mohd. Taha, 22 tahun, penerima Elaun Ujian Tasmie' hafazan 10 Juzuk berkongsi pengalaman semasa menjalani pengajian di Diploma 'Aliyah Qira'at.

"Alhamdulillah saya berpeluang untuk menjadi Imam Tarawih pada bulan Ramadan pada 2021 hingga 2024 di Surau Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



A W A N G M u h a m m a d Nursolihin Mirza bin Haji Awang Mohd. Taha.

Berita dan Foto : Khartini Hamir

"Saya juga berpeluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan menziarahi tempat-tempat pengajian tafsir di Kota Kinabalu, iaitu pada 'Program Ziarah Ilmiah Wa Mahabbah' ke Kota Kinabalu, Malaysia," ujarnya.

Menyentuh mengenai salah satu cabaran yang dihadapi semasa hafazan ialah semasa tahun pertama pengajian beliau, yang ketika itu negara dilanda gelombang kedua COVID-19, yang turut menghalang beliau dan rakan-rakan graduan daripada mengikuti kelas pengajaran dan pembelajaran secara bersemuka, jadi pengajian terpaksa dilakukan secara maya.

"Ini banyak mengajar saya untuk kekal fokus dan sabar. Walaupun saya menghadapi pelbagai cabaran lebih-lebih lagi dalam proses untuk saya menamatkan hafazan 30 Juzuk Al-Quran, Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kini saya gembira dapat mengharungi segala rintangan dan cabaran dengan kejayaan,"

Bercakap mengenai perancangan selepas menamatkan pengajian terangnya, menjadi seorang graduan Diploma 'Aliyah Qira'at ini merupakan sebuah permulaan dalam perjalanan pembelajaran.

Oleh itu, beliau merancang untuk melanjutkan pengajiannya ke peringkat yang lebih tinggi di peringkat Sarjana Muda Takhassus Al-Quran Wal Qiraat di Mahad Qiraat Shoubra, Republik Arab Mesir, demi menyahut Wawasan Brunei 2035, iaitu melahirkan rakyat yang berpendidikan.

"Saya ingin mengambil peluang ini untuk memanjatkan syukur setinggi-tingginya ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana telah diberi peluang untuk menuntut ilmu sehingga ke tahap ini. Setiap kejayaan yang saya capai adalah merupakan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang tak terhingga.

"Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya, para pensyarah, keluarga dan rakan-rakan yang telah menjadi tulang belakang semangat saya sepanjang pengajian saya sehingga hari ini dan saya dapat menerima syahadah Diploma 'Aliyah Qira'at pada Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-12 ini," ujarnya mengakhiri temu bual.



PENTING

IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihadapkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman-Urdu > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja

Tidak Diperakuan

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

- DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR**
- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
 - ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
 - ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
 - ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

BARU

Sila sahkan bahawa maklumat di dalam profil adalah lengkap, kemaskini, betul dan teratur semasa menghadapkan permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapkan permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak memenuhi kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.

Permohonan

Dengan ini saya mengemaskini maklumat latar belakang pendidikan, lantaran maklumat yang dimuatnaik sebelum ini tidak lengkap. Saya mengemaskini maklumat latar belakang pendidikan yang dimuatnaik sebelum ini kerana maklumat yang dimuatnaik sebelum ini tidak lengkap.

Saya mengemaskini maklumat yang dimuatnaik sebelum ini kerana maklumat yang dimuatnaik sebelum ini tidak lengkap.

PERMOHONAN



ITQSHHB terus berkembang maju melahirkan huffaz negara

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan

NSTITUT Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) ditubuhkan bertujuan untuk melahirkan para hafiz Al-Quran dan menjadikan hafazan Al-Quran sebagai satu kelebihan bagi para pelajar melanjutkan pengajian ke peringkat tinggi sama ada dalam bidang pengajian Islam mahupun dalam bidang sains dan teknologi.

Haflut Takharruj Kali Ke-12

Pada tahun ini seramai 20 graduan terdiri daripada 15 siswa dan lima siswi diraikan pada Majlis Haflut Takharruj Kali Ke-12 Diploma 'Aliyah Qira'at Sesi Pengajian 2021 - 2024. Majlis tersebut berlangsung pada Khamis, 5 September 2024 Masihi bersamaan dengan 1 Rabiulawal 1446 Hijrah bertempat di Dewan Utama, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas dengan pengurniaan Syahadah (Sijil) Diploma 'Aliyah Qira'at.

Daripada 20 graduan, seramai 11 graduan berjaya memperoleh pangkat Mumtaz (Cemerlang), enam daripadanya memperolehi pangkat Jayyid Jiddan (Sangat Baik), manakala seorang penerima pangkat Jayyid (Baik) dan dua penerima pangkat Maqbul (Lulus).

Pencapaian ITQSHHB

Sejak penubuhan institusi ini, dari sudut hafazan Al-Quran, jumlah pelajar yang berjaya mengkhatamkan hafazan 30 Juzuk

Al-Quran semakin meningkat sebanyak 779 orang setakat ini.

Seramai 232 daripadanya telah menerima elaun ujian tasmik Al-Quran yang mana 75 orang lulus Ujian Tasmik 30 Juzuk Al-Quran, 33 orang lulus Ujian Tasmik 20 Juzuk Al-Quran dan 124 orang telah lulus Ujian Tasmik 10 Juzuk Al-Quran.

Manakala, graduan yang menerima sijil Majlis Haflut Takharruj pada tahun ini seramai enam orang dan telah dikurniakan biasiswa iaitu lima orang dikurniakan biasiswa melanjutkan pengajian ke Mahad Qira'at Universiti Al-Azhar, Republik Arab Mesir, sementara seorang lagi telah dikurniakan biasiswa untuk melanjutkan pengajian ke Universiti Malaya di Malaysia.

Selain itu, pelajar-pelajar ITQSHHB juga turut serta dalam pertandingan musabaqah menghafaz Al-Quran peringkat serantau dan antarabangsa. Tahun ini, seramai dua siswa Diploma 'Aliyah Qira'at menyertai Musabaqah Al-Quran di Kerajaan Arab Saudi.

Selain itu, ITQSHHB juga telah berkolaborasi bersama Pusat Da'wah Islamiah dan Radio Televisyen Brunei dalam menjayakan rancangan bacaan hafazan 30 Juzuk Al-Quran. Rakaman bagi rancangan tersebut telah selesai dijalankan pada bulan Mei yang lalu dan melibatkan seramai 132 orang termasuk pelajar-pelajar ITQSHHB dan siswa / siswi Diploma 'Aliyah Qira'at.

Penerus generasi Al-Quran

Dalam pendekatan penulis bersama graduan, Awang Muhammad Afdal bin Haji Muhammad Zuhairishah, beliau dididik

dengan Al-Quran sejak kecil lagi oleh kedua ibu bapanya. Disebabkan beliau sering diajar membaca Al-Quran, di situ lah terbentuknya cinta untuk menghafalnya. Dengan pengajian ini memberi peluang kepada beliau untuk menguatkan lagi rasa cinta terhadap Al-Quran dan mengasah kemahiran dalam menghafalnya.

Sepanjang pengajian setentunya memberi cabaran kepada Awang Muhammad Afdal seperti kesukaran dalam membahagikan masa untuk mengulang kaji pelajaran dan menghafaz Al-Quran akan tetapi dengan adanya cabaran seperti ini, dapat membantu untuk belajar mendisiplinkan diri dan menyusun masa dengan baik.

"Alhamdulillah, keluarga saya selalu menyokong saya dalam pengajian Al-Quran melalui doa mereka yang tidak pernah terputus. Saya harap Diploma 'Aliyah Qira'at dan ITQSHHB akan terus melahirkan lebih ramai lagi modal insan yang berkemahiran tinggi dalam bidang yang berkaitan dengan Al-Quran serta mencapai visi dan misi ke arah menjadikannya pusat pendidikan, penyelidikan dan penyebaran Al-Quran terbaik, berkesan dan dinamik bagi melahirkan tenaga pengajar, profesional / pakar, generasi hafaz dan menghayati Al-Quran yang bertakwa berlandaskan Al-Quran dan As-Sunnah serta menjadi sebuah institusi perkembangan Al-Quran yang terunggul di peringkat negara, serantau dan antarabangsa," ujar beliau.

Sementara itu, Dayang Nur Mazrina binti Abdul Mahmud berkata, timbulnya minat untuk menghafaz Al-Quran sejak pendedahan awal dari guru-guru beliau semasa menuntut di sekolah rendah.

Kemudian minat itu semakin tumbuh apabila beliau kagum melihat para hafiz dan hafizah di Brunei Darussalam yang juga telah memberi motivasi kepadanya untuk menjadi hamba yang mengagungkan kitab suci Al-Quran.

"Keluarga saya merupakan tulang belakang sepanjang pengajian ini, mereka sentiasa mendorong dan menyokong saya untuk sentiasa membuat dan memberikan yang terbaik. Tanpa mereka mungkin saya tidak akan dapat raih apa yang telah saya capai hari ini," tambah Dayang Nur Mazrina.

Dayang Nur Mazrina juga berhasrat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan terus berkembang secara akademik dan profesional yang berkemahiran tinggi dan memberikan impak positif kepada industri dan masyarakat.

Penutup

ITQSHHB akan terus berkembang maju sebagai sebuah institusi hafazan Al-Quran yang terunggul serta mampu melahirkan lebih ramai huffaz yang berkualiti tinggi. Kejayaan para graduan setentunya merupakan kebanggaan dan kejayaan bagi institusi ini sekali gus mengangkat martabat dan mutu pendidikan negara.

Apa yang diharapkan para graduan yang diraikan akan menambah lagi generasi penerus yang berkemahiran khususnya dalam bidang Al-Quran dan ilmu-ilmu Al-Quran serta menjadi generasi pemimpin bagi Negara Brunei Darussalam khususnya dalam mensyorkan Al-Quran di bumi Darussalam.





UTB tetap teguh memberi dedikasi berterusan secara aktif

Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim
Foto : Jabatan Penerangan

ALHAMDUILLAH, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya Majlis Konvokesyen Universiti Teknologi Brunei (UTB) Kali Ke-12, 2024 berlangsung pada hari ini, Sabtu, 3 Rabiuulawal 1446 Hijrah bersamaan 7 September 2024 Masihi, bertempat di Dewan Plenary, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas.

Seramai 670 graduan diraikan pada Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-12, 2024 yang merupakan hari kejayaan para graduan setelah menamatkan pengajian mereka dan ini juga membuktikan segala kegigihan, ketekunan dan komitmen para graduan membawa hasil setelah berhempas-pulas menimba ilmu.

Daripada jumlah tersebut, seramai 11 orang merupakan graduan Ijazah Doktor Falsafah, 112 graduan Ijazah Sarjana dan 547 graduan Ijazah Sarjana Muda.

Berangkat menyempurnakan majlis tersebut ialah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UTB. Berangkat sama ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda (Dr.) Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri, Pro-Canselor UTB.

Mengimbas kembali titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Canselor UTB pada Majlis Konvokesyen UTB Kali Ke-11, 2023, baginda bertitah, "UTB diharap akan sentiasa meningkatkan pencapaian dan meneruskan usaha-usaha, termasuk dalam memastikan program-program yang ditawarkan adalah mengikuti keperluan pasaran pekerjaan, sekali gus mewujudkan jurang pencari pekerjaan. Nilai-nilai tambah seperti akreditasi dari badan-badan antarabangsa akan menarik majikan untuk mengambil graduan lepasan UTB".

Dalam titah baginda itu, baginda gembira bahawa badan akreditasi antarabangsa telah mengiktiraf program-program UTB seperti kejuruteraan awam, kejuruteraan mekanikal dan pengkomputeran.

Dalam pada itu, setakat ini, UTB telah melahirkan seramai 5,141 graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan BDTVEC; 295 graduan Diploma Tertinggi Kebangsaan Tahap Lima; 3,364 graduan Ijazah Sarjana Muda; 626 graduan Ijazah Sarjana; dan 32 graduan Ijazah Doktor Falsafah. Graduan-graduan adalah daripada bidang-bidang Kejuruteraan, Perdagangan, Pengkomputeran dan Informatik; Sains

Gunaan dan Matematik; Reka Bentuk; dan Pusat Perhubungan, Pengajaran dan Pembelajaran (CCTL).

Perkembangan UTB

UTB telah menyaksikan beberapa pencapaian yang membanggakan yang lahir daripada usaha pihak UTB dalam memastikan pendidikan yang berkualiti dan mengeluarkan graduan yang sangat berdaya saing. Pada Disember 2023, UTB telah diperkenalkan dalam kedudukan QS World Ranking: Sustainability 2024, menandakan pendirian proaktif warga UTB dalam menangani cabaran Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus di dunia. Dan juga, UTB telah disenaraikan dalam 10 teratas untuk kedudukan universiti awam dan swasta bagi ASEAN, memperoleh kedudukan yang membanggakan di tempat kesembilan di institusi serantau dalam Kedudukan Universiti Awam & Swasta AppliedHE 2024 untuk Universiti-Universiti ASEAN.

Dengan ini, UTB tetap teguh dalam misinya untuk memajukan matlamat pembangunan lestari, menyumbang secara aktif kepada pemeliharaan alam sekitar dan memberi impak kepada masyarakat melalui inisiatif inovasi dan dedikasi yang berterusan.

Kesimpulan

Majlis penuh bersejarah ini bukan

sahaja dinanti-nantikan oleh para graduan dan keluarga mereka, malahan majlis ini juga yang amat bermakna bagi warga UTB sendiri. Justeru itu, para graduan UTB yang telah berjaya menamatkan pengajian masing-masing, ke mana pun hala tuju mereka selepas ini, adalah diharapkan menggunakan sepenuhnya ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman yang diraih semasa di UTB untuk diaplikasikan ke arah menyumbangkan bakti kepada raja, agama, bangsa dan juga negara. Sebagai aset yang begitu berharga bagi negara, para graduan wajar berusaha mencari jalan untuk membantu negara merealisasikan aspirasi Wawasan Brunei 2035, tidak mengira sama ada melalui kerjaya di sektor awam, swasta, perindustrian, keusahawanan atau penglibatan di dalam pertubuhan-pertubuhan masyarakat dan awam.

Sememangnya majlis konvokesyen seumpama ini bukannya penyudah usaha dalam menuntut ilmu dan menambah baik kemahiran profesional masing-masing, malah ia merupakan titik permulaan pengajian sepanjang hayat. Didoakan para graduan akan dapat menyesuaikan dan memanfaatkan ilmu dan kebolehan yang diperoleh ini dalam menempuh alam pasca universiti dan seterusnya mencapai kejayaan di arena yang lain pula, Amin.



BILANGAN PENDUDUK KEKURANGAN ZAT MAKANAN AKUT MENINGKAT KEPADA 1.9 JUTA - LAPORAN

LONDON, 6 Sept. - Bilangan individu berdepan risiko kekurangan makanan yang melampaui dengan peningkatan risiko malnutrisi akut dan kematian meningkat lebih dua kali ganda pada 2024 kepada 1.9 juta, menurut laporan yang dikeluarkan Rangkaian Global Menentang Krisis Makanan pada Kamis.

Agensi Anadolu memetik Laporan Global Mengenai Krisis Makanan (GRFC) pada tahun lalu bawah seramai 705,000 orang dikategorikan dalam risiko

"catastrophe" (bencana) tetapi jumlah ini melonjak kepada 1.9 juta pada 2024.

"Ini adalah jumlah tertinggi dalam laporan GRFC, yang didorong oleh konflik di Semenanjung Gaza dan Sudan," menurut laporan itu.

Laporan itu juga mendedahkan bahawa Semenanjung Gaza kekal berdepan krisis makanan paling teruk dalam sejarah GRFC, dengan semua 2.2 juta penduduknya masih memerlukan bantuan makanan dan mata pencarian antara Mac dan

April 2024.

"Krisis ini telah meningkat, dengan separuh daripada penduduk berada dalam keadaan "catastrophe" (IPC Fasa 5) dalam tempoh itu, meningkat daripada satu per empat pada Disember 2023–Februari 2024," menurut laporan itu.

Di Sudan, kebuluran sedang berlaku dan dijangka berterusan sehingga Oktober 2024. "Banyak kawasan lain di seluruh negara berisiko menghadapi kebuluran, tetapi kekurangan data menghalang analisis bagi banyak kawasan yang

sukar dicapai," menurut laporan itu.

Dianggarkan 25.6 juta orang di Sudan menghadapi tahap kekurangan makanan akut yang tinggi dari Jun hingga September, meningkat 26 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lepas.

"Konflik itu turut memberi kesan serius terhadap keselamatan makanan dan pemakanan



serantau, dengan lebih 2 juta orang terpaksa melarikan diri ke negara jiran, terutamanya negara yang mengalami krisis makanan utama seperti Chad dan Sudan Selatan," menurut kajian itu. - ©BERNAMA

Polis Singapura siasat 98 individu berkaitan pinjaman wang haram

SINGAPURA, 5 Sept. - Polis Singapura menyiasat 98 suspek berkaitan kes peminjaman wang tanpa lesen selepas operasi penguatkuasaan dijalankan dari 19 hingga 23 Ogos, menurut kenyataan terkini pihak

polis.

Siasatan awal menunjukkan sembilan suspek melakukan gangguan di kediaman penghutang, 43 orang membantu peminjam wang tidak berlesen dengan melakukan pemindahan ATM dan

baki 46 membantu peminjam wang haram membuka akaun bank, lapor Xinhua.

Siasatan terhadap suspek, berusia lingkungan 13 hingga 76 tahun, sedang dijalankan. - ©BERNAMA

6 maut bot karam di hutan Peru

LIMA, 5 Sept. - Sekurang-kurangnya enam orang lemas selepas bot dinaiki mereka terbalik pada awal pagi Rabu di sungai yang mengalir melalui kawasan hutan timur-tengah Peru di Ucayali, menurut pihak berkuasa tempatan.

Dalam kejadian kira-kira 1.30 pagi Rabu, bot itu dipercayai

berlanggar dengan objek akibat kenaikan paras air sungai, lapor agensi berita Andina yang dipetik oleh Xinhua.

Ketua Kapten Pelabuhan Jonathan Novoa berkata bot yang dikenali sebagai CR itu meninggalkan pelabuhan Pucallpa pada 2.30 petang waktu

tempatan Selasa, menuju ke bandar Atalaya.

Menurut pihak berkuasa, kira-kira 48 orang, termasuk beberapa guru dan kanak-kanak, berada di atas bos yang mempunyai kapasiti 68 penumpang dan telah memenuhi semua keperluan keselamatan. - ©BERNAMA

AS : 4 maut, 9 cedera dalam insiden tembakan di sekolah

NEW YORK, 5 Sept. - Empat orang terbunuhan dan sembilan lagi cedera dalam insiden tembakan di kampus sebuah sekolah menengah di negeri Georgia, Amerika Syarikat (AS) pada Rabu, menurut pihak berkuasa tempatan.

Mangsa yang maut ialah dua pelajar dan dua guru di Apalachee High School di Barrow County, Georgia kira-kira 70 kilometer (km) utara Atlanta, bandar terbesar di negeri itu.

Pengarah Biro Penyiasatan Georgia (GBI) Chris Hosey berkata suspek dikenal pasti sebagai Colt

Gray, 14, seorang pelajar sekolah itu, lapor Xinhua. Menurut Hosey, Gray melepaskan tembakan di sekolah berkenaan sejurus sebelum 10.30 pagi dan menyerah diri kepada polis.

Beliau berkata suspek akan didakwa atas tuduhan membunuh dan akan dibicarakan sebagai orang dewasa. Hosey berkata siasatan turut meneliti setiap aspek berkaitan suspek dan hubungannya di sekolah itu.

Menurut beliau, sembilan orang yang cedera akibat terkena tembakan telah dibawa ke hospital

manakala lima lagi individu turut dimasukkan ke hospital kerana mengalami gejala serangan panik. Sementara itu, Presiden Amerika Syarikat Joe Biden pada Rabu menyatakan bahawa beliau turut berkabung atas kematian mangsa.

"Apa yang sepatutnya menjadi musim kembali ke sekolah yang menggembirakan di Winder, Georgia kini bertukar menjadi satu lagi peringatan tentang bagaimana keganasan senjata api terus memecahbelahkan komuniti kita," katanya. - ©BERNAMA

Penghantaran baharu vaksin polio tiba di Gaza - Kementerian Kesihatan Palestin

RAMALLAH, 4 Sept. - Kementerian Kesihatan Palestin pada Selasa mengumumkan penghantaran baharu vaksin polio berjumlah 350,000 dos telah tiba di Gaza.

Penghantaran itu dibuat ketika kempen vaksinasi di wilayah terbabit diteruskan di tengah-tengah serangan Israel yang berlanjut, lapor Agensi Anadolu.

"Sebanyak 350,000 dos tambahan vaksin polio tiba di Gaza pada malam Selasa dan disimpan di dalam peti sejuk di gudang Kementerian Kesihatan di Deir al-Balah," kata Menteri Kesihatan Palestin, Majed Abu Ramadan dalam satu kenyataan.

Beliau menjelaskan langkah itu diselaraskan dengan Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-

Bangsa Bersatu (UNICEF).

"Dengan ketibaan kumpulan kedua vaksin di Gaza, jumlah dos yang diterima oleh wilayah itu kini sekira 1.6 juta, mencukupi untuk pemberian vaksin semua kanak-kanak dari awal kelahiran hingga 10 tahun dengan dua dos suntikan," katanya.

Terdahulu pada Selasa, Kementerian Kesihatan Gaza mengumumkan kempen vaksinasi kini memasuki hari ketiga dengan hampir 159,000 kanak-kanak divaksin menjelang hari kedua kempen di tengah Gaza.

Pada 25 Ogos, Kementerian Kesihatan Palestin mengumumkan ketibaan kumpulan pertama vaksin berjumlah 1.26 juta dos.

Kempen vaksinasi ini memberi

tumpuan kepada kawasan tengah Gaza dari 1 hingga 4 Sept, diikuti Khan Younis dari 5 hingga 9 Sept dan akan berakhir di Gaza City dan kawasan utara dari 9 hingga 12 Sept, menurut sumber rasmi.

Pada 16 Ogos, Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres menyeru gencatan senjata selama tujuh hari untuk membolehkan vaksinasi 640,000 kanak-kanak, satu permintaan yang disokong oleh agensi PBB untuk pelarian Palestin (UNRWA).

Israel meneruskan serangan ganas ke atas Gaza selepas 7 Oktober tahun lalu, meskipun terdapat resolusi Majlis Keselamatan PBB yang menggesa gencatan senjata segera.

- ©BERNAMA

tumpuan kepada kawasan tengah Gaza dari 1 hingga 4 Sept, diikuti Khan Younis dari 5 hingga 9 Sept dan akan berakhir di Gaza City dan kawasan utara dari 9 hingga 12 Sept, menurut sumber rasmi.

Pada 16 Ogos, Setiausaha Agung PBB, Antonio Guterres menyeru gencatan senjata selama tujuh hari untuk membolehkan vaksinasi 640,000 kanak-kanak, satu permintaan yang disokong oleh agensi PBB untuk pelarian Palestin (UNRWA).

Israel meneruskan serangan ganas ke atas Gaza selepas 7 Oktober tahun lalu, meskipun terdapat resolusi Majlis Keselamatan PBB yang menggesa gencatan senjata segera.

- ©BERNAMA

ROM, 4 Sept. - Hujan lebat dan ribut petir melanda Rom, Itali pada Selasa hingga menyebabkan banjir di beberapa kawasan, lapor Agensi Berita Jerman (dpa). Hujan lebat disertai angin kencang turut menyebabkan beberapa laluan bawah tanah ditenggelami air.

Ramalan cuaca juga menunjukkan ribut petir dijangka berterusan di negara itu dalam tempoh beberapa hari akan datang dengan suhu mencecah 32 derjah Celcius. - ©BERNAMA

Hujan lebat, ribut petir landa Rom



ePaper Pelita Brunei



PELUANG SERTAI DISCOVER UBD CHALLENGE 2024

Oleh : Muhamad Khairul Hisyam Jaya
Foto : Alishahrin Haji Mumin



SEKITAR Sidang Media mengenai Discover UBD Challenge 2024 yang julung kalinya diadakan oleh Universiti Brunei Darussalam (kiri dan kanan).

TUNGKU LINK, Jumaat, 6 September. - Universiti Brunei Darussalam (UBD) buat julung kalinya akan mengadakan Discover UBD Challenge 2024 iaitu sebuah acara berpasukan berkONSEPkan Treasure Hunt yang akan berlangsung di Kampus UBD.

Dalam Sidang Media yang diadakan di Ruang Bicara Minda, Perpustakaan UBD, acara tersebut menjanjikan pengalaman yang mendebaran serta memberikan peserta peluang untuk menemui harta karun tersembunyi sambil

meneroka kampus UBD.

Peserta juga akan berpeluang untuk mendalami nilai-nilai sejarah UBD. Bagi pelajar-pelajar baharu, mereka juga dapat membina rasa kebanggaan dan rasa *kekitaan*, manakala Alumni UBD pula dapat mengambil peluang untuk berhubung semula dengan *alma mater* mereka.

Hadir semasa Sidang Media tersebut ialah Profesor Madya Pengiran Dr. Mohd Iskandar bin Pengiran Haji Petra dan Ketua Pejabat Kemajuan Perhubungan dan Pengiklanan Alumni dan Pengurus Bersama Discover

UBD Challenge, Lim Kok Shien.

Acara Discover UBD Challenge kali ini juga memiliki cabaran unik yang direka bersempena dengan Hari Keluarga Kebangsaan 2024 untuk mempromosikan kerja berpasukan, pemikiran dan komunikasi untuk menggalakkan menyelesaikan masalah sesuai untuk individu dari semua peringkat umur dan latar belakang.

Melalui acara tersebut, UBD juga akan memastikan untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar sambil menggalakkan rakyat tempatan

untuk mengekalkan gaya hidup yang lebih hijau. Peserta akan menerima kit perlumbaan eksklusif, termasuk baju 'T', kipas lipat, beg tali dan pas letak kereta untuk setiap pasukan.

Pendaftaran untuk Discover UBD Challenge telah pun dibuka pada 23 Ogos lalu dan akan ditutup pada 30 September ini. Acara tersebut akan bermula dari jam 6.00 pagi hingga 12.00 tengah hari.

Yuran penyertaan adalah BND100 bagi setiap pasukan untuk pelajar UBD, kakitangan, alumni dan ahli keluarga UBD,

manakala BND120 bagi orang awam dan pasukan korporat bagi setiap pasukan.

Setiap pasukan mesti terdiri daripada empat anggota, dengan syarat umur minimum 12 tahun. Peserta yang berminat boleh mendaftar melalui Kod QR yang terdapat pada poster promosi atau melayari <https://www.rvserve.events/discoverubd>.

10 peratus daripada keuntungan acara akan didermakan kepada Dana Endowment UBD antara lain sebagai komitmen UBD untuk menyumbang kembali.

Sukan SEA : Sabah adakan perbincangan dengan KBS

KOTA KINABALU, 6 Sept. - Kementerian Belia dan Sukan Sabah akan mengadakan perbincangan lanjut dengan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) mengenai cadangan penganjuran bersama Sukan SEA 2027.

Menteri Belia dan Sukan Sabah Datuk Ellron Angin berkata beliau bertemu dengan Menteri Belia dan Sukan Hannah Yeoh secepat mungkin bagi membincangkan dan mendapatkan maklumat terperinci mengenai perkara

berkenaan.

"Hasil perbincangan dan maklumat terperinci yang diperoleh nanti akan kita bawa dan bentangkan kepada Jemaah Menteri (kerajaan Sabah) untuk pertimbangan selanjutnya."

"Ia (cadangan penganjur bersama) memerlukan persetujuan Jemaah Menteri dan kami (Jemaah Menteri) bersetuju untuk meneliti dan mempertimbangkan cadangan tersebut," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau berkata kerajaan Sabah menyambut baik hasrat kerajaan Persekutuan untuk menganjurkan Sukan SEA 2027 dan sedia bekerjasama bagi memastikan penganjuran temasya itu berjalan lancar.

Semalam, Hannah berkata persiapan penganjuran Sukan SEA 2027 tidak terjejas meskipun Sabah memutuskan muah mempertimbangkan semula cadangan menjadi penganjur bersama temasya dwitahunan itu. - ©BERNAMA

Tahukah Awda

APLIKASI *Mushaf* Brunei Darussalam dan Terjemahannya yang diperkenalkan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI) pada penghujung tahun 2018 yang lalu dihasratkan untuk memberikan kemudahan kepada orang ramai untuk membaca Al-Quran, sekali gus memahami dan menghayati isi kandungannya serta sebagai rujukan sahih yang boleh diguna pakai oleh umat Islam di negara ini dan seluruh dunia amnya. Antara objektif aplikasi berkenaan ialah untuk menjadikan telefon bimbit dan tablet komputer sebagai media penyebaran *Mushaf Al-Quran* Brunei Darussalam dan Terjemahannya yang boleh dimuat turun dengan mudah dan sesuai dengan perkembangan teknologi terkini.

SUMBER : *Pelita Brunei* Ogos 2021.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

PERBANYAKAN AMAL JARIAH UNTUK BEKAL KE ALAM YANG KEKAL